

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 17

Hari Rabu

23 April 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara
(Penggantian dan Pembubaran) 1997**

(Ruangan)

)

**Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997
(Ruangan)**

PARLIMEN KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT

Rabu, 23hb. April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**SUKAN KOMANWEL (SUKOM) 1998 - PERSIAPAN
DAN PERSEDIAAN**

1. Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana persiapan dan persediaan kemuncak Sukan Komanwel (SUKOM) tahun 1998, dan bilakah kesemua kemudahan sukan berkenaan dijangka akan siap sepenuhnya.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:

Tuan Yang di-Pertua, SUKOM Ninety Eight Berhad adalah badan penganjur rasmi Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel ke-XVI dan bertanggungjawab ke atas segala persediaan sebagai tuan rumah sukan tersebut.

Sungguhpun demikian, kerajaan telah pun memberikan komitmen untuk menjayakan temasya ini dan dengan yang demikian, penglibatan agensi-agensi kerajaan tidak dapat dielakkan. Penglibatan kerajaan meliputi usaha-usaha kemudahan venue, perkampungan sukan, pembinaan International Broadcasting Centre, dengan izin, kecantikan bandar, sistem pengangkutan awam yang baik, keselamatan serta pelepasan kastam dan imigresen dan sebagainya.

Pengelolaan sesuatu temasya sukan yang besar seperti Sukan Komanwel ini melibatkan aspek yang begitu banyak dan juga begitu luas. Sebagai tuan rumah kita tidak dapat mengelak daripada memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang berikut:

- kewangan yang mencukupi untuk membiayai kos yang berbangkit,
- pemasaran;

- jemputan-jemputan;
- kakitangan yang mencukupi untuk mengendalikan semua kerja dan aktiviti;
- pegawai teknikal untuk mengendali acara-acara sukan yang akan dipertandingkan;
- sukarelawan;
- keperluan teknologi untuk 'results system';
- komunikasi dan penyiaran;
- host penyiar;
- peralatan-peralatan;
- operasi Perkampungan Sukan yang melibatkan persediaan tempat tinggal dan makanan atlet dan pegawai;
- publisiti;
- upacara Pembukaan dan Penutup;
- Medical dan Doping Centre;
- pengangkutan atlet dan pegawai-pegawai keselamatan dan trafik;
- akreditasi;
- protokol dan banyak lagi aspek yang ada kaitan dengan persediaan sebagai tuan rumah.

Selain daripada pegawai-pegawai dan kakitangan SUKOM Ninety Eight Berhad sendiri, syarikat tersebut juga telah pun menubuhkan 12 jawatankuasa untuk membantu mengendalikan beberapa aspek persediaan.

Suka saya melaporkan beberapa tindakan yang telah pun diambil oleh pihak SUKOM Ninety Eight Berhad sebagai persiapan menjadi tuan rumah Kuala Lumpur '98.

(i) Kewangan

Syarikat ini telah memerlukan lebih kurang RM304 juta untuk membiayai semua kos persediaan. SUKOM Ninety Eight Berhad telah pun

mengenal pasti sumber kewangannya iaitu melalui tajaan oleh penaja rasmi, pembekal rasmi, rakan SUKOM dan penjualan hak siaran TV dan Radio Antarabangsa serta penjualan tiket-tiket.

(ii) Teknologi.

SUKOM Ninety Eight Berhad telah pun menandatangani beberapa perjanjian dengan syarikat-syarikat antarabangsa untuk membekal peralatan dan sumber kepakaran yang akan menghasilkan pemindahan teknologi maklumat. Di antara perjanjian-perjanjian tersebut adalah untuk membekal alat-alat dan sistem komputer, membekal perisian aplikasi sistem maklumat dan pengurusan sukan, membekal software dan juga membekal infrastruktur telekomunikasi.

Satu lagi aspek penting ialah sistem penghakiman dan pengukuran masa pertandingan, yakni timing system. Pihak SUKOM juga sudah pun berunding dengan satu syarikat bagi menaja peralatan-peralatan yang diperlukan bagi sistem tersebut.

(iii) Jemputan

Pada 15hb. April, 1997 yang lalu, SUKOM telah pun membuat jemputan rasmi kepada Commonwealth Games Association negara-negara Komanwel untuk menghantar kontinjen ke Kuala Lumpur '98.

(iv) Pegawai-pegawai Teknikal.

SUKOM telah pun mengenal pasti keperluan pegawai-pegawai teknikal untuk setiap jenis sukan yang dipertandingkan. Sehingga hari ini seramai 36 pegawai teknikal telah pun menghadiri kursus di luar dan juga di dalam negeri.

(v) Sukarelawan

SUKOM '98 Berhad memerlukan 15,000 sukarelawan. Sehingga bulan Februari tahun ini, seramai 39,593 orang telah pun berdaftar dan berminat untuk menjadi sukarelawan. Kursus orientasi telah pun bermula pada 15hb. Mac, 1997 dan akan diteruskan secara berperingkat-peringkat sehingga bulan Ogos 1998.

SUKOM Ninety Eight Berhad juga telah pun mengenal pasti latihan-latihan khusus seperti latihan penyeliaan sukarelawan, pegawai-pegawai teknologi maklumat, latihan-latihan pegawai protokol serta juga latihan untuk 'team building'. Untuk mengendalikan kursus-kursus ini, SUKOM Ninety Eight Berhad telah pun melantik Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Latihan Telekom dan Pusat Latihan Bousted.

(vi) Perkampungan Sukan

Pihak kerajaan akan menyerahkan kondominium-kondominium yang sedang pun dibina di Bukit Jalil kepada SUKOM Ninety Eight Berhad dalam bulan April 1998. Pihak SUKOM telah pun menyediakan pelan penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut sesuai sebagai satu perkampungan sukan. Pihak SUKOM Ninety Eight Berhad juga sedang berunding dengan sebuah syarikat sajian tempatan bagi menyediakan makanan di dalam perkampungan sukan.

(vii) Upacara pembukaan dan penutup

Pihak SUKOM Ninety Eight Berhad telah pun mengenal pasti bentuk-bentuk persembahan dan skrip persembahan dijangka siap dalam bulan Mei tahun ini dan diikuti dengan penulisan muzik dan choreographer. Mengikut rancangan, raptai pertama akan diadakan pada bulan Mac 1998.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan-kemudahan sukan yang dikendalikan oleh kementerian saya, suka saya maklumkan bahawa semua kemudahan-kemudahan tersebut akan siap selewat-lewatnya pada awal tahun 1998, insya-Allah.

Tuan Kamaruddin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri, seluruh negara penduduk-penduduk Malaysia amat ternanti-nanti dan akan mengharapkan kejayaan ataupun performance atlet-atlet kita dalam Sukan Komanwel ini, bukan sahaja penduduk-penduduk di Malaysia ini, bahkan penduduk Malaysia di luar negeri juga mengharapkan performance yang baik daripada atlet-atlet kita. Sejauh mana persediaan kementerian bagi menyediakan atlet-atlet dalam usaha untuk menjayakan ataupun memberi performance yang cemerlang di dalam Sukan Komanwel ini dan berapakah jumlah pingat yang dijangka akan dikutip seperti pingat emas, perak dan gangsa.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jangka soalan ini akan keluar. *[Ketawa]*

Pertamanya, selain daripada kita hendak menjadi penganjur yang terbaik, kita harapkan supaya ini juga kesempatan yang terbaik bagi atlet kita menunjukkan kemampuan mereka untuk bertarung di suatu arena sukan yang kedua terbesar selepas Sukan Olimpik. Untuk itu kita telah pun mengadakan persiapan-persiapan awal iaitu lebih kurang 2 tahun yang lepas untuk memulakan latihan-latihan yang boleh dikatakan intensif bagi atlet-atlet yang kita fikir sesuai untuk dipilih mewakili negara. Sekarang ini sudah sampai ke peringkat atau tahap yang ketiga, latihan yang telah pun dijalankan di semua 15 acara sukan yang telah pun kita kenal pasti dan di peringkat ini seramai 395 orang telah pun terpilih untuk mewakili negara dalam semua acara yang akan dipertandingkan.

Kita mengharapkan bahawa prestasi atlet kita pada kali ini tentunya lebih baik daripada yang lalu. Pada tahun 1994 sewaktu kita bertanding di Sukan Komanwel di Victoria, Canada, kita telah pun memperolehi sebanyak 7 medal iaitu 2 emas, 3 perak dan 2 gangsa dalam acara

badminton dan juga dalam bidang angkat berat. Kita menduduki tempat yang ke-13 daripada kalangan 68 buah negara.

Kita harapkan pada tahun 1998 iaitu pada tahun hadapan prestasi kita akan meningkat lebih tinggi kerana antara lain ialah ada acara-acara baru yang dimasukkan yang kita fikir kita mempunyai kelebihan, di antara lain seperti bidang pin bowling yang kita tahu kita mempunyai juara-juara dunia yang telah pun mewakili negara dalam banyak peringkat pertandingan antarabangsa. Untuk itu kita berharap walaupun di peringkat ini persatuan-persatuan belum lagi memberikan komitmen untuk menyatakan berapakah medal yang akan diperolehi, kita jangka lebih daripada yang kita dapati pada tahun 1994. Ranking kita pada tahun 1994 ialah 13 di kalangan 68 buah negara, kita harap kita akan menjadi 'the Top Ten' di kalangan 70 buah negara yang akan menyertai di dalam Sukan Komanwel ini.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan Sukan Komanwel pada tahun 1998, adakah Malaysia Timur iaitu negeri Sabah dan Sarawak terlibat dengan persiapan dan persediaan sukan tersebut termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dukacita kerana sukan ini ialah Sukan Kuala Lumpur '98 dan mengikut peraturannya Kuala Lumpurlah menjadi Tuan Rumah. Jadi, semua acaranya akan diadakan di sekitar Kuala Lumpur sahaja, mungkin masuk ke sempadan seperti di Selangor kalau umpamanya kita perlukan kemudahan untuk sukan pin bowling di Sunway Lagoon, tetapi tidaklah sampai ke Sabah ataupun Sarawak, hatta tidak juga di Johor dan di Pulau Pinang.

BEKALAN AIR DI KOTA KINABALU - PUNCA PENCEMARAN

2. **Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada penyiasatan yang telah dijalankan oleh kementerian mengenai pencemaran sumber bekalan air di Kota Kinabalu baru-baru ini telah mengenal pasti punca kejadian itu dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap mereka yang telah menyebabkan kejadian itu berlaku.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bermula pada 14hb. Januari, 1997 hingga 10hb. Mac, 1997 mendapati kejadian pencemaran sumber bekalan air tersebut adalah berpunca dari tumpahan minyak diesel daripada sebuah jentolak yang dimiliki oleh Kuari Lian Seng Sdn. Bhd. (Otentik Quarry) yang sedang menjalankan kerja-kerja pengorekan/pembesaran alur air yang akhirnya masuk ke Sungai Moyog (di hulu takat pengambilan air Madziang, Penampang).

Oleh kerana perkara ini melibatkan kepentingan awam, maka pendakwaan bagi kes tersebut telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Persekutuan di Sabah pada 10hb. Mac, 1997 sebelum sebarang tindakan undang-undang diambil ke atas pihak terbabit. Sekian.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup jelas. Tetapi saya ada soalan tambahan iaitu mengenai pencemaran yang berterusan bukan sahaja di sekitar Kota Kinabalu tetapi juga di seluruh Sabah, termasuk akibat pembalakan yang dilakukan secara haram. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap mereka yang juga terus menyusahkan rakyat akibat pencemaran air di lain-lain tempat?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Tuaran. Kalau sudah jelas, apa guna tanya lagi? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi memuaskan hati Yang Berhormat dari Tuaran, siapa-siapa yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan. Jadi, itu sahajalah. Sudah cukup! *[Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, kalau kita lihat pencemaran disebabkan oleh pembangunan ataupun pengusahaan kawasan-kawasan balak dan hutan sebagaimana yang kita dengar memang

berleluasa. Soalan saya, bagaimanakah kementerian dapat mengesan segala penyelewengan ini, sama ada melalui maklumat yang disalurkan kepada kementerian ataupun jabatan-jabatan di peringkat negeri atau apakah maklumat yang menjadi sumber kepada tindakan yang akan dilakukan oleh kementerian ini kepada penyeleweng-penyeleweng yang tidak bertanggungjawab?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat maklumat ini daripada banyak sources, dengan izin, daripada punca pihak orang ramai yang bertanggungjawab dengan keadaan di sekeliling alam sekitar, yang bertanggungjawab dengan kebersihan alam dan mereka ini akan melaporkan bukan sahaja kepada pihak polis, tetapi kepada mana-mana jua jabatan (department). Maka pihak Jabatan Alam Sekitar akan mengambil tindakan untuk menyiasat dahulu, selepas menyiasat maka dihantarkanlah sampel-sampel itu, kalau ada kaitan dengan kimia, dia hantar kepada Chemistry Department untuk menentukan jenis itu supaya apabila dibawa ke mahkamah, maka perkara ini senangnya diberitahu untuk didakwa dan kita berharap pendakwaan ini akan lekatlah. Tetapi buat masa ini, kita jangan bimbang, kualiti air masih lagi di tahap yang baik lagi kerana mengikut standardnya, tahun 1989 standardnya 0.15; tahun 1986 standardnya 0.09. Mengikut apa yang dibenarkan (permissible) ialah 0.3 bagi negara-negara membangun. Jadi, kita masih lagi baik, jangan bimbang. Terima kasih.

MAS - ATASI MASALAH DALAMAN

3. Puan Rohani binti Haji Abdul Karim [Santubong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang beberapa masalah dalaman yang dialami oleh pihak MAS yang boleh menggugat masalah pengangkutan udara di negara ini. Apakah tindakan daripada kementerian yang boleh menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi yang pesat dan perkembangan industri pengangkutan udara sejak beberapa tahun yang lalu telah menjejaskan sedikit perkhidmatan tertentu Penerbangan Malaysia Airlines (MAS). Walau bagaimanapun, adalah tidak benar ia sampai ke tahap sehingga menggugat pengangkutan udara di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan MAS telah mengambil tindakan dan langkah-langkah dalam usaha meningkatkan lagi perkhidmatan MAS dari masa ke semasa. Tindakan dan langkah-langkah ini adalah seperti berikut:-

- (i) mengkaji keperluan tenaga manusia berdasarkan operasi yang dirancang dari masa ke semasa;
- (ii) menambah frekuensi ke destinasi yang sedia ada;
- (iii) mengadakan perkhidmatan ke destinasi-destinasi baru;
- (iv) mengintegrasikan perkhidmatan-perkhidmatan domestik dan antarabangsa;
- (v) menggunakan kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar di laluan-laluan domestik dan serantau; dan
- (vi) membeli 10 buah pesawat B 747-400 dan 15 buah pesawat B 777 yang baru.

Di samping itu, kementerian juga telah dapat bersama MAS menyelesaikan tuntutan gaji bagi juruterbang-juruterbang MAS yang lebih 1,000 orang yang mana mereka akan menikmati kenaikan gaji sebanyak 27% berikutan termeterinya perjanjian persefahaman antara pihak pengurusan MAS dengan Persatuan Juruterbang Penerbangan Malaysia iaitu MAPA pada 11hb. Mac, 1997. Selain daripada itu, setiap orang juruterbang akan dibayar saguhati sebanyak sebulan gaji. Perjanjian ini akan sah sehingga 31hb. Ogos, 1998.

Puan Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah perbandingan dari segi ganjaran dan kemudahan yang dinikmati oleh pegawai dan kakitangan MAS jika dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain? Kalau dapat, nyatakan perbandingan tersebut? Dan apakah pencapaian MAS yang cemerlang selama ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika dibandingkan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh MAS berbanding dengan syarikat-syarikat yang lain, dengan syarikat-syarikat utama kita dapati memang standardnya sama. Bagi syarikat-syarikat yang bawah sedikit, kita dapati standard MAS

memang tinggi [*Ketawa*] kerana saya selalu naik kapal terbang. Jadi, selalunya saya tengok juruterbangnya ataupun pramugarinya pun ada yang sudah 50 tahun tetapi MAS semuanya muda-muda dan mereka pun senyum selalu berbanding dengan setengah airline yang ada pramugara dan pramugarinya masam sahaja kerana sudah bekerja lama. Dan saya dapati banyak juga mereka telah berubah kepada pramugari-pramugara muda ikut stail MAS. Ini pengalaman saya kerana saya selalu juga naik kapal terbang-kapal terbang luar negara.

Selain dari itu, MAS selalu juga dapat anugerah-anugerah yang baik. Misalnya pada tahun 1996 dan 1997, kita telah memenangi anugerah Asean Best Business Airlines, mengalahkan semua syarikat penerbangan dalam Asean, tidak payah sebutlah syarikat-syarikat yang telah kita kalahkan.

Saya juga ingin maklumkan bahawa perkembangan airlines kita semenjak tahun 1994, 1995 dan 1996 memang banyak. Kita telah mengadakan 26 penerbangan ke luar negara, bermakna satu perkembangan yang cukup pesat. Kalau setahun 12 bulan, kita ada 36 bulan, dalam 36 bulan kita buat 26 tambahan penerbangan baru. Jika disebutkan ialah pada tahun 1996 ke Beirut; Pusan, Korea, Male, Vientiane, Yangoon dan juga ke Shanghai, China - sebanyak 6. Pada tahun 1995 - 7 penerbangan tambahan ataupun laluan baru, iaitu Ujong Pandang, Chiangmai, Dublin, Dhaka, Davao, Vancouver dan juga Macao, Hong Kong. Pada tahun 1994 - 13 lagi destinasi baru, iaitu Cape Town, Rome; ChrisChurch, Australia, Osaka, Cairus, Canberra, Hobart, Gold Coast, Belfast, Edinburgh, Glasgow, Leeds dan juga Teesside.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah delay, dengan izin, begitu selalu berlaku dalam penerbangan antara Kuala Lumpur ke Kuching dan penumpang-penumpang dipaksa tunggu dalam kabin yang tidak ada air-cond selama sampai setengah jam dan mereka berkata ke Kota Kinabalu juga.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian menyedari kadang-kadang terdapat juga kelewatan yang disebutkan tadi, tetapi kita telah cuba perbaikinya. Antara sebabnya adalah kadang-kadang passenger sudah check-in, tetapi

cari dia tidak ada, beg dia ada dalam kapal terbang. Jadi, kita tidak mahu passenger tidak ada, kapal terbang bawa begnya. Jadi, kita cari dia ke mana dia pergi, kadang-kadang jumpa di tempat restoran, itu yang telah menyebabkan kelewatan. Kerana kalau kapal terbang berjalan dengan beg sedangkan tuannya tidak ada, kita takut berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Itulah antara sebab yang telah menyebabkan kelewatan.

Ada juga sebab-sebab lain yang tidak dapat dielakkan, misalnya keadaan cuaca ataupun tidak dilepaskan oleh air control ke tempat yang kita tuju dan banyaklah lagi sebab. Bagaimanapun, kita memperbaiki perkara ini dari masa ke semasa supaya terutamanya penerbangan KL-Kuching tidak terlewat. Tetapi daripada kita tidak berapa yakin kerana orangnya tidak ada, maka eloklah kita tunggu untuk keselamatan.

PERWAJA - SIASATAN BPR

4. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] minta Perdana Menteri menyatakan sampai peringkat manakah siasatan telah dilakukan oleh BPR terhadap kes PERWAJA. Berapa tahunkah biasanya masa yang diperlukan oleh BPR bagi menyiasat kes-kes seperti ini dan bolehkah dihuraikan secara terperinci halangan-halangnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah masih lagi menjalankan siasatan ke atas dakwaan perbuatan rasuah yang dikaitkan dengan kerugian PERWAJA. Siasatan kes ini memerlukan masa yang agak lama kerana ia melibatkan keperluan mengambil keterangan saksi-saksi di luar negara di mana BPR tidak mempunyai kuasa dan memerlukan kerjasama dari pihak berkuasa negara berkenaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah pengurusan PERWAJA yang lama telah dimansuhkan, meletakkan jawatan, seorang pengarah baru telah dilantik iaitu orang Melayu berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang ada pada dia. Sebelum beliau dilantik, beliau telah ditemui oleh dua orang yang penting dalam negara kita ini, yang pertama Tun Daim dan yang kedua, Timbalan Perdana Menteri untuk meminta supaya beliau menduduki jawatan yang telah dikosongkan itu. Kemudian, beliau telah menyanggupi menduduki jawatan itu. Tetapi setelah PERWAJA diswastakan, beliau telah disingkir dengan sewenang-wenangnya. Apa yang ingin saya tahu,

kenapakah penyingkiran itu berlaku sebegitu rupa? Dengan perkataan lain, berapakah saguhati yang telah diberi oleh pihak kerajaan kepada beliau? Apakah beliau terlibat dengan rasuah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, mengikut peraturan, hanya satu soalan sahaja. Sila, jawablah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta jawab dengan jujur.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dengan amat jujur bahawa soalan tambahan ini tiada kaitan dengan soalan asal. Jadi, saya dengan jujurnya tidak perlu menjawab. Terima kasih. [*Tepuk*]

LEVI MEMBELI RUMAH - JUMLAH KUTIPAN

5. **Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah levi yang telah dikutip daripada warga asing yang membeli rumah setakat ini; dan
- (b) adakah pengecualian yang diberikan jika ada, atas alasan apa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah levi yang telah dikutip daripada warga asing yang membeli rumah dan tanah setakat ini iaitu 28hb. Februari, 1997 ialah sebanyak RM1 juta. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada pengecualian yang diberikan ke atas levi harta tanah.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya identiti pembeli diketahui hanya pada peringkat pendaftaran. Tetapi kita sedar bahawa pembeli-pembeli walaupun mengguna nama rakyat tempatan, tetapi akhirnya hartanah atau sesuatu rumah itu dipunyai oleh warganegara asing. Jadi, saolannya adakah kementerian mempunyai penguatkuasaan yang benar-benar dapat mengesan atau memperbaiki cara-cara mengesan dan mengetahui bahawa pembeli-pembeli sesuatu hartanah itu sebenarnya bukannya warga tempatan, tetapi terdiri daripada warga asing yang banyak berlaku di Johor Bahru pada hari ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan sahaja berlaku pada pembelian harta tanah oleh warganegara asing, di dalam kes pemilikan tanah rizab Melayu pun ini berlaku. Soalan untuk mengadakan mekanisme mencegahnya, di sini saya tidak berani menjawab apakah kerajaan dapat mewujudkan satu mekanisme, kerana yang saya sebut

tadi tanah rizab Melayu pun tidak ada cara untuk kita menghentikannya. Tetapi kerajaan hanya dapat bertindak jikalau ada bukti daripada laporan-laporan mengenai dengan penyelewengan ini barulah kerajaan bertindak. Selagi pendaftaran pemilik hartanah itu di atas nama rakyat tempatan, maka kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pengenaan levi oleh kerajaan ke atas pembelian hartanah oleh pemilik asing tidak memberi kesan ke atas ekonomi dalam negara kita setakat ini, terutamanya dari segi pembangunan hartanah. Bagi memperketatkan peraturan yang sedia ada, adakah kerajaan berhasrat untuk mempertimbangkan bagi meninggikan lagi jumlah levi supaya pemilikan asing dapat dikawal berperingkat-peringkat?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi judgement, dengan izin, bahawa tidak ada kesan daripada pembangunan ekonomi negara adalah terlalu awal, kerana kita baru sahaja mengimplimentasikan dalam masa setahun. Jadi, biarlah proses ini berlanjutan sedikit masa lagi untuk kita memastikan bahawa apakah kesan yang berlaku kepada ekonomi negara. Cuma yang saya nyatakan di sini pada peringkat ini kerajaan belum lagi memikirkan untuk meningkatkan jumlah levi ini. Apabila datang masanya dan keadaan yang menunjukkan bahawa kita perlu meningkat, kita akan meningkatkan, insya-Allah.

EJEN PEMBANTU RUMAH - MAJIKAN TERTIPU

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) apa yang perlu dibuat oleh majikan terhadap pembantu rumah asing yang majikan berharap kepada ejen-ejen untuk mendaftar tetapi telah tertipu oleh ejen-ejen; dan
 - (b) cara memohon permit untuk mendapat pekerja asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian;

- (a) Majikan yang telah tertipu oleh ejen-ejen untuk mendapatkan permit kerja bagi pembantu rumah mereka, laporan atau aduan hendaklah dibuat

kepada polis dan juga Jabatan Imigresen. Sekiranya siasatan terhadap agensi berkenaan terlibat dengan penipuan, pendaftaran agensi berkenaan akan digantung atau dibatalkan, dan tindakan undang-undang yang berkenaan akan juga diambil terhadap mereka.

- (b) Bagi mendapatkan permit kerja kepada pekerja asing, majikan perlulah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Imigresen menggunakan borang yang ditetapkan. Setelah mendapat kelulusan, majikan perlu membayar wang cagaran dan levi. Selepas itu majikan itu bolehlah membawa pekerja atau pembantu rumah itu masuk. Di dalam hal ini, pekerja atau pembantu rumah itu hendaklah berada di negara asal semasa permohonan itu dibuat. Pekerja atau pembantu rumah perlu mendapatkan visa daripada perwakilan Malaysia di negara asalnya. Majikan boleh menguruskan ini sendiri atau menggunakan ejen yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi pengambilan pembantu rumah. Walau bagaimanapun, bagi pengambilan pekerja-pekerja kategori yang lain, peranan agensi telah pun dihentikan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menjawab bahawa tindakan undang-undang hanya akan diambil terhadap ejen-ejen. Apa yang mustahak di sini bukanlah tindakan undang-undang akan diambil terhadap ejen-ejen. Tetapi masalah pembantu rumah yang sedia ada di rumah-rumah tuan punya, dan setelah mereka menjadi pekerja haram. Dalam hubungan ini, bagaimanakah tuan rumah atau tuan tauke hendak memohon kepada kementerian supaya pekerja-pekerja ini disahkan?

Berkenaan dengan (b) bolehkah Yang Berhormat memberitahu cara memohon untuk mendapat orang-orang tahanan di dalam kem pertahanan sekarang. Sebab pernah diumumkan bahawa majikan-majikan boleh mengambil pekerja-pekerja asing yang sedang ditahan dalam kem tahanan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar kata tidak mustahak tidak ambil tindakan undang-undang terhadap ejen. Sebab ejen inilah yang culprit, mereka ini menipu orang. Kalau kita tidak ambil tindakan, dia akan tipu lagi ramai orang, lagi ramai pendatang tanpa izin ada di sini. Mungkin soalan yang dipentingkan oleh Yang Berhormat ialah apa akan terjadi kepada pekerja yang sudah diambil. Di sini, Jabatan Imigresen selepas siasatan, sahkan bahawa penipuan benar-benar dilakukan oleh ejen-ejen, dan majikan itu telah bayar wang yang tertentu dan majikan itu bukan secara sengaja, maka Jabatan Imigresen masih boleh layan mereka dengan mengenakan kompaun RM300 terhadap majikan, RM300 terhadap pekerja yang tanpa izin itu, kemudian mereka kena kemukakan permohonan semula supaya satu pemutihan khas dibuat. Ini memang telah berlaku termasuk di negeri-negeri yang banyak berlaku perkara ini.

Bagi (b) kerajaan telah memutuskan bagi pekerja tanpa izin yang ditangkap sekarang ini tidak boleh diambil semula. Kalau semua di sini tangkap dan di sana ambil semula, tidak habis-habis masalah ini, tidak boleh kita digest, dengan izin. Jadi, saya rasa kita tidak galak lagi sesiapa pun pergi ambil daripada Depo.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, semasa operasi pemutihan dahulu, kita telah dimaklumkan bahawa bilangan permit kerja yang dikeluarkan adalah melebihi daripada bilangan majikan-majikan atau bilangan permit kerja melebihi, dikeluarkan lebih daripada sepatutnya. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan mengapakah perkara ini boleh berlaku dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti apa yang dimaksudkan bilangan permit yang dikeluarkan lebih daripada sepatut. Tetapi permit kerja itu memang lebih daripada majikan, kerana seseorang majikan dia boleh ambil ramai pekerja. Tetapi apa yang mungkin dimaksudkan ialah adakah permit kerja itu diluluskan tetapi bila hendak hantar tidak boleh sampai kepada majikan. Itu mungkin satu masalah yang telah berlaku, tetapi Jabatan Imigresen telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi bahawa ada

majikan tidak dapat permit kerja tetapi dia tidak boleh sampaikan kepada majikan, kita sedang mengatasi masalah ini untuk hubungi mereka supaya tiap-tiap seorang pekerja asing yang diberikan permit kerja itu benar-benar ada majikan yang sah.

CUKAI TERLEBIH BAYAR - KELEWATAN LHDN MEMULANGKAN

7. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa mulai dari tarikh pelaksanaan sistem pungutan cukai "Pay As You Earn" sehingga akhir Disember, 1996 berapa banyakkah cukai yang terlebih bayar oleh pembayar cukai masih belum dipulangkan kepada mereka yang berkenaan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan memandangkan LHDN mengenakan denda ke atas pembayar cukai yang lewat membuat bayaran cukai, mengapakah LHDN tidak sebaliknya membayar faedah pula kepada pembayar cukai berkenaan di atas kelewatannya memulangkan cukai yang terlebih bayar itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31hb. Disember, 1996 cukai yang terlebih bayar di bawah skim Potongan Cukai Berjadual yang masih belum dipulangkan dianggarkan berjumlah RM13.71 juta. Bilangan kes yang terbabit ialah 20,064 orang. Hampir kesemua kes tersebut telah selesai diproses dalam bulan Februari, 1997.

Mengenai bayaran faedah kepada pembayaran cukai di atas kelewatan memulangkan cukai pula. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa melainkan bagi pembayar-pembayar cukai baru yang mula dicukai apabila sistem Potongan Cukai Berjadual dilaksanakan, cukai adalah dibayar di dalam suatu tahun di atas pendapatan yang diterima oleh pembayar cukai di dalam tahun sebelumnya, iaitu tahun lalu. Dengan demikian adalah tidak wajar faedah dibayar pula kepada pembayar cukai di atas kelewatan yang tidak begitu ketara bagi pemulangan balik cukai yang terlebih dikutip dibawah sistem Potongan Cukai Berjadual ini.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa terdapat dalam 20,600 lebih pembayar cukai yang terlebih potong dalam proses. Jadi, apa yang ingin tahu, apakah langkah kementerian untuk memastikan supaya pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri ini menyegerakan memulangkan cukai-cukai yang terlebih potong itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kementerian dan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang memesatkan kerja-kerja untuk membayar balik. Kalau Yang Berhormat sedia maklum, soalan ini berbangkit lebih kurang sebulan-dua bulan yang lalu pada masa itu cukai yang belum dibayar adalah RM70,000,000 lebih. Tetapi sekarang tinggal hanya 13.71 juta. Insya-Allah dalam sebulan-dua bulan selesai.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa masalah ini berlaku sungguh pun pihak kerajaan telah melaksanakan sistem pungutan cukai PAYE, Pay As You Earn, dan pihak pembayar cukai terpaksa menulis surat untuk menuntut balik wang yang sebenarnya milikan mereka. Mengapakah dalam keadaan sedemikian, pihak kerajaan masih enggan membayar faedah kepada mereka yang terlebih bayar. Kerana dari segi prinsip kerajaan, apabila seseorang gagal membayar cukai, ia akan didenda. Tetapi apabila Jabatan Hasil Dalam Negeri mengutip lebihan cukai, ia tidak dikenakan tindakan. Adakah ini adil dan bukannya ini menunjukkan bahawa ini ada 'double standard', bila seseorang individu berbuat salah dia dikenakan tindakan. Tetapi apabila Jabatan Hasil Dalam Negeri terlebih mengutip, tiada apa-apa. Jadi, saya rasa ini tidak berapa adil.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyebut double standard. Sepertimana yang saya sebut tadi kebanyakan cukai-cukai yang terlebih dibayar ini adalah cukai yang dibayar untuk tahun pendapatan, tahun sebelumnya. Kebanyakan cukai-cukai yang dikutip daripada pembayar baru yang tidak mempunyai arrears, yang tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar. Tahun sebelumnya tidak ada masalah. Masalah ini berlaku di kalangan pembayar cukai yang membayar cukai sebelum skim ini diwujudkan. Jadi, cukai yang dikutip oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri - Yang Berhormat golek kepala buat apa, ini adalah kenyataan, saya lebih tahu daripada Yang Berhormat. *[Ketawa]* Saya sebagai Timbalan Menteri. Jadi, di sini cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah cukai yang sepatutnya dibayar tahun yang lalu. Jadi, perlu apa dibayar faedah balik. Jikalau

berlaku di kalangan pembayar-pembayar cukai di bawah skim ini, yang mana ada asas untuk kerajaan ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri membayar balik faedah, maka akan dipertimbangkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang Islam yang membayar zakat, dan zakat ini dikecualikan daripada cukai, jadi saya ingin tahu, biasanya orang-orang Islam membayar zakat pada awal tahun, yang mana advance biasanya pada bulan Januari atau awal tahun baru. Jadi, saya ingin tahu, mereka ini juga dipotong according you pay as you earn. Jadi, saya ingin tahu adakah pihak kementerian akan mengecualikan bagi golongan-golongan yang membayar zakat daripada membuat potongan skim berjadual?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dasarnya Ahli Yang Berhormat sedia maklum, memang kerajaan mengecualikan ataupun membuat potongan daripada pembayaran zakat itu daripada pembayaran cukai keseluruhannya.

Soal bilakah kita akan memotong cukai ini, terletak kepada pembayar zakat itu melaporkan ataupun membuktikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan dokumen-dokumen yang tertentu iaitu resit bayaran zakat itu dan akan dilaksanakan secepat mungkin mengikut bila yang dibayar dan mengikut ketentuan yang dibuat oleh resit dan dokumen yang ada.

Jadi, soalnya sesiapa yang membayar zakat akan diberi pengecualian ataupun dikurangkan pembayaran cukai pendapatan yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi dengan ada bukti yang cukup.

PENDATANG TANPA IZIN - TAHAP KESUNGGUHAN PENGUATKUASAAN

8. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) mengenai kemasukan beramai-ramai kaum asing ke negara ini sejauh manakah kesungguhan dan tindakan tegas penguatkuasaan dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan seperti 'Ops Nyah I dan Ops Nyah II' dan berikan statistik jumlah orang-orang yang telah dihantar balik ke negara masing-masing; dan

- (b) setelah undang-undang baru Imigresen dilulus dan dikuatkuasakan; berapa banyakkah kes-kes tangkapan dibuat terhadap majikan-majikan yang melindungi warga asing didakwa.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang bersungguh-sungguh dan tegas dalam penguatkuasaan terhadap kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Di dalam hal ini Operasi Nyah I adalah bagi menyekat pendaratan pendatang tanpa izin sepanjang pantai di Semenanjung Malaysia dan Operasi Nyah II adalah mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin yang telah berada di dalam negara. Di dalam hal ini, seramai 37,151 orang pendatang tanpa izin telah diusir ke negara asal mereka dalam tempoh antara 1hb Januari 1997 hingga 24hb Mac 1997.
- (b) Sejak berkuatkuasanya pindaan Akta Imigresen seramai 533 orang telah ditangkap atas kesalahan memberi perlindungan, dengan izin, harbouring dan membawa masuk pendatang tanpa izin bagi tempoh 1hb Januari 1997 hingga 28hb Februari 1997. Dari jumlah tersebut seramai 56 orang telah didakwa dan disabitkan kesalahan sementara 48 orang telah dikenakan tindakan 'buang daerah' di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 dan yang lainnya masih dalam siasatan Jabatan Polis dan Imigresen.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh tentang penguatkuasaan di dalam Ops Nyah I dan II serta penguatkuasaan terhadap pendatang asing ini yang berlaku di Perlis baru-baru ini iaitu tindakan mengarahkan pihak RELA untuk mengambil bahagian dan mereka telah menjalankan tugas mereka dengan begitu baik sekali dan telah mencapai beberapa kejayaan.

Tetapi apa yang saya ingin mendapat penjelasan ialah jika berlakunya kecederaan atau kematian anggota-anggota RELA dalam menjalankan tugas mereka ini, apakah pampasan ataupun insurance cover, dengan izin, untuk diberikan kepada mereka setelah menjalankan tugas yang begitu baik.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, anggota RELA memang rela berkhidmat.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ong Ka Ting: Mereka semua boleh dikatakan apabila bertindak, mereka tidak ingat sangat apa yang akan berlaku kepada mereka. Walau bagaimanapun, kerajaan kena menjaga juga kepentingan kebajikan dan keselamatan mereka dengan memastikan mereka itu tidak diberi peranan yang berisiko tinggi sangat. Maksudnya tugas mereka itu hanyalah sebagai satu sokongan di mana pihak Polislah yang akan berjalan ke barisan hadapan, RELA itu di belakang. Jadi, jangan pula RELA itu ke hadapan dan Polis di belakang dan mereka akan diserang dan sebagainya. *[Ketawa]*

Walaupun bagaimanapun, pasukan penguatkuasaan ini sentiasa diingatkan apakah peranan yang boleh dan bersesuaian sahaja yang ditugaskan kepada anggota RELA dan kita sentiasa berhati-hati dalam perkara ini.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua sedia maklum bahawa segala usaha dan peluang bagi warga asing bagi membenarkan mereka mendaftar mengikut undang-undang yang sewajarnya telah dibuat oleh kerajaan. Persoalan saya ialah, kenapakah sebabnya dari segi penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang oleh jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan didapati di masa-masa kebelakangan ini tidak begitu serius dan tegas mengambil tindakan yang sewajarnya kepada kumpulan ejen-ejen dan majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bukan tidak serius, mungkin kita belum nampak hasil dengan sepenuhnya. Sebenarnya, pada masa kini, kerajaan sedang giat dan tegas dalam mengambil tindakan terhadap ejen-ejen yang tidak bertanggungjawab dan boleh dikatakan pada hari ini juga ada ejen-ejen yang masih ditahan oleh pihak Polis dan sedang disiasat, cuma mungkin belum nampak lagi satu dakwaan ataupun satu hukuman yang

dijatuhkan oleh mahkamah dengan penalti yang tinggi, mungkin sesudah kita melihatnya baru kita rasa keseriusannya.

Walau bagaimanapun, saya boleh memberi jaminan di sini pada satu ketika iaitu sebaik sahaja selepas tarikh tamatnya pemutihan kerana dokumen-dokumen atau permit-permit kerja itu belum siap sedia untuk dihantar kepada setiap majikan maka masa itulah kita tidak boleh penguatkuasaan itu terlalu 'full swing' 100%, dengan izin, tetapi sekarang kalau kita lihat di akhbar setiap hari, memang kita sudah 'full swing' dan majikan-majikan yang masih ada pekerja tanpa izin, saya hendak memberi sekali lagi ingatan dan amaran, kali ini Akta Imigresen akan dikuatkuasa dan mereka yang didapati bersalah akan masuk penjara mandatori, tidak lagi seperti dahulu dikenakan kompaun yang sedikit. Bagi lima orang ke atas mereka mesti kena masuk penjara. Tak ada mercy lagi, dengan izin.

GURU AGAMA DI HOSPITAL BAGI RAWATAN KEROHANIAN

9. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menempatkan pakar-pakar agama di hospital-hospital di negara ini untuk memberikan nasihat dan rawatan kerohanian kepada pesakit-pesakit bagi membantu mereka menjadi lebih tabah, bersemangat, bertawakal dan tenang menghadapi saat-saat yang kritikal itu. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada menempatkan guru agama di Hospital Ulu Kinta, Perak bagi tujuan yang disebutkan, di Hospital Kota Bharu, Kelantan pula pihak jabatan telah mendapatkan kerjasama KEMAS peringkat negeri untuk menempatkan dua orang guru agama bagi tujuan yang sama. Untuk masa hadapan kementerian akan memberi pertimbangan sekiranya ada permohonan dari pihak negeri bagi tujuan tersebut.

Pada masa sekarang ini, walaupun tiada guru agama yang mencukupi untuk ditempatkan di hospital-hospital, namun pegawai kaunselor yang berjumlah seramai 20 orang telah pun sedia ada untuk menjalankan peranan yang sama di seluruh Malaysia.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ura-ura kerajaan untuk mewujudkan kerjasama di antara pakar-pakar perubatan tradisional dengan para

doktor di hospital-hospital sebagai satu langkah yang menjurus ke arah matlamat ini dan sejauh manakah ianya akan dapat dijadikan kenyataan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah pun membuka langkah untuk mengadakan hubungan konsultasi ataupun dua hala antara pakar perubatan dengan pakar rawatan tradisonal dan malah perkara ini telah pun diangkat ke peringkat dasar dan persiapan telah pun dimulakan dan usaha ini berjalan rancak di peringkat dasar, itu memang satu galakan yang disediakan oleh kementerian.

ACCESSORIES OPTIONAL MENYEBABKAN INFLASI - TINDAKAN KERAJAAN

10. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kementerian sedar senarai yang dikeluarkan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) pada September 1996, mengenai 32 jenis 'optional accessories' tidak mencerminkan usaha kerajaan ke arah mencegah inflasi dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar tentang customers price list, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) pada September 1996 di mana disenaraikan 32 jenis 'accessories optional' ditawarkan. Aksesori-aksesori tersebut adalah 'optional' dan pembeli-pembeli kereta diberi pilihan untuk membelinya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, terdapat enam jenis aksesori wajib yang mana harganya adalah ditetapkan oleh kerajaan. Bagi aksesori-aksesori pilihan, kerajaan tidak campur tangan dalam penentuan harga-harganya. Kerajaan percaya pengguna akan menggunakan kuasa belian mereka untuk membeli aksesori pilihan yang ditawarkan berdasarkan harga dan kualiti yang berpatutan.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pembeli-pembeli kereta Proton perlulah mengambil pinjaman dan insurans kereta daripada anak syarikat EON iaitu EON Bank. Jikalau pembeli-pembeli tidak bersetuju, mereka akan menunggu lama untuk mendapat keretanya, jadi, ini akan menjejaskan

peluang untuk membeli kereta nasional. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan amalan perniagaan yang sihat. Jikalau ada amalan peniaga yang tidak sihat, sila rujuk kepada kementerian yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kepakaran Dato' Timbalan Menteri yang baru ataupun 'Dato' yang baru sama ada 'optional accessories', side mirror boleh dikatakan 'optional accessories', bermakna ada satu syarikat kereta dalam senarai 'optional accessories'nya, floor mat. Floor mat adalah perkara yang diperlukan bagi sebuah kereta. Side mirror adalah perkara yang diperlukan oleh sebuah kereta, ini bukan optional, perkara yang compulsory. Dan ini dikategorikan sebagai optional.

Jadi, kalau saya hendak membeli sebuah kereta diberikan saya hanya satu side mirror sahaja, yang satu lagi kena beli. Adakah kerajaan memikirkan perkara ini rasional atau perkara ini wajar ataupun perkara ini tidak menindas kepada kaum pengguna. Jadi, saya minta kementerian dengan kepakarannya untuk menyiasat perkara seperti ini. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, aksesori yang diwajibkan ini tertumpu kepada enam jenis sahaja:

- (i) pendingin hawa;
- (ii) radio kaset;
- (iii) central locking;
- (iv) power window;
- (v) sistem penggera; dan
- (vi) anti rust.

Mengenai apa-apa yang diadukan itu, sila rujuk kepada kementerian kita, kita akan mengambil tindakan.

11. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan akan membina satu jalan jejantas (fly over) melintasi landasan kereta api di Jalan Lahat, Ipoh untuk mengelakkan kesesakan dan kemalangan yang sentiasa berlaku di jalan tersebut, jika ada, bila, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek jejantas yang melintasi landasan kereta api di Jalan Lahat, Ipoh, tidak terletak di dalam bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Agensi yang bertanggungjawab bagi projek tersebut ialah Dewan Bandaraya Ipoh. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan persoalan ini kepada Dewan Bandaraya Ipoh.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu, terdapat satu kes yang amat serius di mana kereta api telah melanggar satu keluarga dalam kereta yang sedang melintasi landasan kereta api dan saya ingin tahu masalah yang di tempat itu iaitu bukan di Jalan Lahat, apakah tindakan yang sewajarnya untuk kementerian memberi arahan kepada pihak berkenaan untuk membina jejantas di tempat itu dan juga di beberapa tempat yang lain sama juga jalan yang melintasi jalan kereta api, apakah nasihat atau tindakan yang sewajarnya yang akan diambil oleh kementerian.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, kalau perkara yang diminta itu atau yang dimajukan itu terletak dalam Dewan Bandaraya Ipoh, memang menjadi tugas Dewan Bandaraya Ipoh. Kalau yang di luar, yang bersabit dengan urusan Kementerian Kerja Raya, sama ada projek-projek berhubung dengan keselamatan jalan raya terletak di bawah Kementerian Kerja Raya ataupun Kementerian Pengangkutan, di mana Jabatan Kerja Raya menjadi agensi pelaksana, JKR akan melaksanakan menurut arahan yang dimajukan oleh satu-satu kementerian berhubung dengan projek-projek seperti jejantas ataupun jambatan yang melintasi jalan-jalan raya yang sibuk.

**SEKOLAH DI TAWAU -
BILANGAN PROJEK PEMBINAAN DALAM RMK-7**

12. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-
- (a) bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah yang akan dibina di Tawau di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh; dan
 - (b) bilakah pembinaannya akan bermula.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Terdapat empat projek sekolah rendah dan dua projek sekolah menengah yang akan dibina di Tawau dibawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang melibatkan kos RM42 juta. Sekolah-sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan Air Panas, Sekolah Kebangsaan Bahagia, Sekolah Kebangsaan Jambatan Putih, Sekolah Kebangsaan Kokosan, Sekolah Menengah Kebangsaan Abaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Jambatan Putih.
- (b) Projek ini akan dimulakan sebaik sahaja kerja-kerja rekabentuk dan penyiapan tapak siap dilaksanakan.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah sekolah-sekolah ini akan dibekalkan dengan kelengkapan teknologi moden seperti komputer dan kemudahan-kemudahan teknologi maklumat dan adakah sekolah-sekolah ini dirancangan untuk menjadi Sekolah Bistari? Sekian.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] rancangan....[*Ketawa*] Kementerian Pendidikan ialah untuk mempertingkatkan taraf supaya semua sekolah akan dijadikan sebagai Sekolah Bistari dan sebagai jawapan kepada Ahli Yang Berhormat ini, kita akan cubalah.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, daripada empat buah sekolah rendah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh berapakah akan dalam konsep wawasan

dan berapakah Sekolah Wawasan yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pada keseluruhannya? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah cadangkan bahawa tujuh buah Sekolah Wawasan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai projek printis. Untuk Tawau ini, belum.....belum ada cadangan. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ingat Tawau sahajakah?

TV2 - PAKAIAN PEMBACA BERITA

13. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah dua orang pembaca berita Mandarin di TV2 jam 7 malam pada 9 Februari, 1997 memakai pakaian baju kurung Melayu serta bersongkok manakala pembaca berita Bahasa Melayu dan English News pada malam yang sama tidak berpakaian yang sama.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Penerangan. Jawapan kepada soalan berkaitan, kerajaan tidak bercadang untuk terus memberi liputan kepada pesalah-pesalah juvana dalam media elektronik seperti RTM.

MALAYSIA DAN AFGHANISTAN - JENIS HUBUNGAN

14. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jenis hubungan Malaysia dengan pihak yang memerintah di Afghanistan dan apakah ada cadangan untuk melabur di negara itu kelak.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak membuat sebarang perubahan dasar ke atas Afghanistan sungguhpun pihak Taleban telah menguasai dua per tiga daripada wilayah Afghanistan. Malaysia mahu supaya satu penyelesaian keamanan menyeluruh dapat diwujudkan di negara tersebut terlebih dahulu dan akan menyokong mana-mana pihak yang memerintah sekiranya proses peralihan kuasa dilaksanakan dengan teratur. Buat masa sekarang Malaysia tidak berpihak kepada mana-mana parti memandangkan negara tersebut berada di dalam situasi yang tidak menentu.

Sungguhpun terdapat usaha-usaha diplomatik untuk menyelesaikan krisis di Afghanistan sepertimana yang dilakukan oleh PBB, tetapi parti-parti yang bertelagah nampaknya masih

membuat pilihan ketenteraan untuk menguasai wilayah-wilayah negara tersebut keseluruhannya. Malaysia menyokong sebarang langkah yang diambil oleh PBB untuk menyeru parti-parti yang bertelagah memberhentikan aktiviti ketenteraan dan melibatkan diri dalam sesi dialog politik untuk membentuk kerajaan yang terdiri daripada parti-parti utama yang bertelagah, dengan izin, broad based government. Malaysia juga menyeru agar kuasa-kuasa luar memberhentikan sebarang bantuan senjata kepada parti-parti yang bertelagah di Afghanistan. Malaysia bersedia dalam konteks usaha PBB untuk membawakan keamanan di negara tersebut untuk menjadi tuan rumah kepada perjumpaan di antara parti-parti yang bertelagah di Afghanistan sekiranya tawaran tersebut dapat membantu parti-parti yang bertelagah tersebut untuk mengadakan pertemuan di meja rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai pelaburan tidak timbul berdasarkan kepada situasi terkini di Afghanistan. Keutamaan adalah untuk membawa keamanan kepada konflik yang sedang melanda di negara tersebut.

Tuan Tan Kok Wai: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kerana soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Bintulu di nombor 13 itu telah silap dijawab oleh Timbalan Menteri Pengangkutan bagi pihak Kementerian Penerangan. Jawapan daripada beliau itu sebenarnya adalah bagi soalan nombor 32. Jadi, minta jawapan yang tepat dan 'consai'.

[Ketawa]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi diberi - dia sudah pusingkanlah - 32 tulis 13, 13 tulis 32, itu saya hairan macam mana pula saya jawab.....

[Ketawa] Pegawai beri saya surat, saya ikut apa yang dia tulis. Bagaimanapun, suka saya menjawabkan bahawa RTM tidak memaksa atau menghalang mana-mana penyampai berita TV2 memakai baju Melayu atau berbaju kurung. Pada malam tersebut, ianya dilakukan atas pilihan penyampai berita itu sendiri. Harap jawapan itu mengena kepada yang ditanya. *[Ketawa]*

Tuan Chiew Chiu Sing: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah habis ya. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Yang bertanya pun tidur. *[Ketawa]*

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi
Pertanyaan No.15 hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PENGANTIAN DAN PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[22 April 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar menyambung jawapan.

3.34 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung jawapan bagi Yang Berhormat Dato' Menteri bagi pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada hari semalam.

Yang akhirnya ialah mengenai pandangan daripada Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Permohonan Yang Berhormat dari Kuala Pilah mengenai jaminan bahawa FELCRA Bhd. dilindungi daripada diambil alih oleh individu atau kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan diri, sukalah saya menyatakan bahawa jika sekiranya sudah sampai masa untuk diswastakan, maka ianya akan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan kerajaan yang biasa dengan mengambil kira kepentingan semua pihak dengan golongan peserta dan kakitangan FELCRA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap berbanyak terima kasih atas sokongan padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai keputusan kerajaan mengkorporatkan FELCRA yang mana dijangka akan menjadi salah satu perkara utama reformasi kedua pembangunan luar bandar. Apa-apa perkara yang tidak dijawab akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN
PELABURAN (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 ini adalah bagi membolehkan insentif-insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 1997 iaitu untuk memperkukuhkan rangkaian industri tempatan, menggalakkan industri pelancongan domestik dan mendorong pembangunan industri multimedia dilaksanakan dan supaya beberapa pindaan bagi memperkemaskan peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, insentif bagi memperkukuhkan rangkaian industri tempatan ialah pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun bagi taraf perintis selama lima tahun ataupun pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun bagi elaun cukai pelaburan sebanyak 60% selama lima tahun bagi syarikat-syarikat vendor termasuk IKS yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim yang diluluskan. Bagi syarikat vendor yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim diluluskan yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa atau, dengan izin, bertaraf world class diberikan galakan taraf perintis selama 10 tahun dengan pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun. Satu garis panduan yang menggariskan kriteria dan syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan insentif ini akan dikeluarkan oleh MITI secara bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif untuk multimedia adalah pemberian galak taraf perintis hingga 10 tahun atau elaun cukai pelaburan sehingga seratus peratus kepada syarikat multimedia yang diiktiraf oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (Multimedia Development Corporation). Insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan ini diberikan di bawah projek strategik dan mempunyai kepentingan negara sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 4(a) Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Satu garis panduan mengenai kriteria dan syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan insentif ini akan dikeluarkan oleh MDC.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif bagi mempertingkatkan prestasi sektor pelancongan domestik pula adalah insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi projek-projek pelancongan seperti berikut:

- (a) pembinaan hotel kelas sederhana satu dan dua bintang dan ekonomi tiga bintang yang disahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- (b) pembesaran atau pemodenan hotel yang sedia ada;
- (c) pembinaan kawasan kem percutian dan rekreasi termasuk, dengan izin, summer camp; dan
- (d) pembinaan pusat persidangan dengan dewan yang boleh memuatkan 3000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif bagi menggalakkan industri pelancongan domestik ini hanya memerlukan tindakan penwartaan terhadap senarai keluaran dan produk yang digalakkan bagi membolehkan ia dilaksanakan. Pada masa ini definisi syarikat berkaitan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 didapati kurang jelas dan mengelirukan. Untuk menjelaskan dan memperkemas takrif tersebut pindaan ke atas seksyen 2(1) dalam fasal 2C rang undang-undang ini dibuat bagi memberi definisi khusus syarikat yang berkaitan iaitu sebagai syarikat yang pegangan ekuitinya adalah sekurang-kurangnya 20%.

Pindaan ke atas seksyen 41B (1) (a) dalam Fasal 12 rang undang-undang ini pula adalah bagi melanjutkan tanpa had takrif layak menikmati galakan elaun infrastruktur bagi insentif koridor pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini mempunyai peranan yang penting dalam memperkukuhkan rantai industri tempatan, mempertingkatkan pelancongan domestik dan mendorong pembangunan industri berintensifkan maklumat. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

3.46 ptg

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, macam kena paksa ni. Mungkin Yang Berhormat Tambun lepas ini akan berucap. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan pelaburan saya ingin bertanya beberapa isu yang dibangkitkan oleh industri-industri dan pelabur-pelabur bukan sahaja daripada yang bakal akan datang ke negara kita. Tetapi yang penting sekali ialah masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur yang sudah melaburkan wang yang begitu besar dalam industri berteknologi tinggi dan juga pembuatan.

Dan apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi atau menangani aduan-aduan yang dibuat oleh mereka? Sebagai satu contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam dialog tahunan di antara sektor swasta dan MITI yang diadakan tiap-tiap tahun baru-baru ini, sebanyak 291 isu telah dibangkitkan. Di sini saya ingin bertanya apakah tindakan oleh pihak kerajaan ke atas kesemua 291 isu-isu ini yang di antaranya yang paling saya rasa, yang paling penting sekali yang saya rasa agak menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Kalau untuk pelabur-pelabur atau pihak swasta biasanya kita akan menduga, bolehlah diduga mereka akan menimbulkan isu-isu berkaitan dengan perdagangan antarabangsa atau percukaian ataupun insentif-insentif pelaburan sama ada dari segi dan juga elaun pelaburan yang diberikan atau reinvestment allowance iaitu elaun pelaburan

semula tetapi yang paling utama sekali ialah tentang kesesakan lalu lintas. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa masalah kesesakan lalu lintas telah mencapai satu tahap yang boleh dianggap sebagai satu krisis. Kalaupun perkara ini yang pada masa lampau tidak ditonjolkan, tidak di 'highlight'kan, dengan izin, tapi sekarang telah dijadikan tajuk utama oleh sektor swasta dalam dialog tahunan di antara MITI yang dianjurkan baru-baru ini.

Saya ingin bertanya apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ke atas masalah ini kerana saya rasa kita harus ambil satu holistic approach bukan sahaja kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi oleh keseluruhan kerajaan. Kerana kalau kita gagal berbuat demikian ia akan membebani negara dan akan mengakibatkan kos yang agak tinggi ke atas ekonomi kita. Dan pernah pula ada satu kajian yang dibuat baru-baru ini bahawa kos kesesakan lalu lintas dianggarkan sebanyak RM25 bilion setahun. Kerana dari segi pembaziran masa, dari segi time management, apabila kita hendak sampai ke tempat kerja dan balik ke rumah kita perlu habiskan sekurang-kurangnya dua hingga tiga jam dari segi produktiviti, kerugian produktiviti dan juga kerja saya rasa itu adalah satu jumlah yang agak tinggi dan dianggarkan sampai tahap 25 bilion.

Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu bukanlah satu jumlah yang kecil dan saya rasa kerana ia sudah sampai ke satu tahap yang boleh di anggap sebagai satu krisis, kerajaan harus memeranginya dan menganggapnya sebagai satu krisis melawannya dan memeranginya dengan serius. Janganlah mengambil tindakan seperti sekarang an *ad hoc* approach, dengan izin. Kalau kita hendak mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kita hanya *ad hoc*, mungkin sana buat sikit bus lane, sini buat bus lane tapi akhirnya kenapa ia sesak juga, kerana bottle neck yang sedia ada tidak di atasi. Sungguhpun ada bus lane tetapi bus apabila sampai ke tempat tak ada lorong bas lagi dia kena keluar, sanapun kena bottle neck. Ini tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan untuk mereka yang memiliki kenderaan khususnya pelabur-pelabur sektor swasta terutamanya dari segi pengangkutan bila mereka hendak membawa barang-barang mereka dari satu tempat ke tempat yang lain, saya rasa ini melibatkan kos dan tidak boleh

dinafikan sungguhpun lorong bas ada mempertingkatkan atau memperbaiki kedudukan untuk mereka yang menaiki bas. Tetapi untuk pemilik-pemilik kenderaan keadaan sudah menjadi lebih teruk di mana masa atau kesesakan yang sedia ada bertambah buruk dan di sini saya harap bahawa pihak kerajaan kalau hendak memperuntukkan satu lorong khas untuk lorong bas saya harap jalan raya yang sedia ada boleh dilebarkan. Kerana kalau tidak dilebarkan yang eight-lane highway, dengan izin, akan tinggal six-lane highway. Untuk kenderaan-kenderaan yang lain, kenderaan swasta saya rasa ini akan memburukkan lagi keadaan kesesakan lalu lintas.

Baru-baru ini cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bahawa bangunan-bangunan tidak perlu ada tempat letak kereta supaya kita boleh mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, saya rasa adalah dengan izin short-sighted. Tidak menerusi pertimbangan yang waras, yang cerdik kerana masalah kesesakan lalu lintas saya rasa bukanlah setakat tapak meletak kereta. Kalau bangunan-bangunan tidak dikenakan untuk menyediakan tapak meletak kereta saya rasa ia tidak akan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kerana pengangkutan awam yang sedia ada tidak memuaskan. Kalau ia amat baik, lancar, saya rasa rakyat dengan sendirinya akan menggunakan sistem pengangkutan awam dan tidak akan bersusah payah bangun pukul 5.00 pagi supaya boleh sampai ke tempat kerjanya pada pukul 8.30 atau 9.00 pagi. Inilah masalahnya bahawa sistem pengangkutan awam kita teruk sangat.

Oleh yang demikian saya harap bahawa pihak kerajaan dengan izin take a holistic approach bukan secara *ad hoc*, sini baiki sikit, sana baiki sikit, selepas ini macam dengan izin putting patches here and there. Akhirnya ia tetap akan bocor you patch here, you patch there tetap akan bocor kerana akhirnya tidak boleh tahan juga. Oleh sebab itu saya rasa apa yang dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan saya rasa tidak logik dan tidak rasional langsung kerana dari segi ekonomi kalau tidak cukup tapak letak kereta, lain kali kalau ada pengusaha yang akan menyediakan satu tapak hanya untuk membolehkan orang awam meletakkan kereta dan saya rasa ini tidak akan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Kalau kita lihat contoh Bangkok sungguhpun tidak cukup tempat letak kereta dia sesak juga, dia tetap sesak juga. So, masalah utama ialah dari segi sistem pengangkutan awam yang tidak memuaskan dan apa-apa sistem yang dipakai tak boleh jalan langsung. Macam Intrakota, sebelum Intrakota diperkenalkan adalah digembar-gemburkan bahawa ia adalah satu sistem yang paling canggih, yang paling baik, yang paling maju, yang paling efisien sekali.

Tetapi apabila ia diperkenalkan, sama juga, lagi teruk ia makan duit penumpang sungguhpun Kabinet telah mengarahkan bayar balik ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, saya habiskan dulu. Sungguhpun Kabinet telah mengarahkan mesti membayar balik 10 sen kepada setiap penumpang, ia masih belum dilancarkan. Oleh sebab itu saya rasa ini menunjukkan bahawa, apa-apa sistem semuanya tak ada sistem. Macam kerajaan nampaknya tak ada sistem.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Kota Melaka ini dia kurang arif ataupun tidak faham apa yang dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan. Masalah letak kereta ini akan hanya kita implemenkan setelah kita selesai masalah kesesakan lalu lintas iaitu dengan kita punya perjalanan, tidak ada jam lagi di sana dan di sini. Jadi Yang Berhormat tadi hanya menyatakan tidak boleh selesai dan tidak mungkin selesai. Adakah pihak Yang Berhormat pernah membuat cadangan untuk menyelesaikan masalah ini kerana pembangunan di bandar raya ini begitu pesat. Kita hendak pembangunan, kita hendak maju di samping itu pula kita hendak memudahkan lalu lintas di bandar raya. Jadi, kerajaan sudah berjuta-juta ringgit, beribu-ribu juta ringgit belanja untuk memudahkan lalu lintas di bandar raya. Jadi, adakah pihak DAP pernah memberi cadangan, kalaulah cadangan itu baik kepada kerajaan ataupun hanya mengkritik dan tidak pernah memberi pandangan. Terima kasih. Yang Berhormat setujukah tidak ni?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat, kalau nak tunjuk pandai ini bukan tempatnyalah. Dan kalau nak cuba

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan, jangan dok kata tunjuk pandai, jawapan, adakah Yang Berhormat bersetuju pandangan saya?

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum ada peluang untuk jawab, jadi sabar sikitlah. Kalau hendak sokong, hendak jack sikit Yang Berhormat Menteri Pengangkutan saya rasa ini biarlah kepada konco-konconya dalam MCA lah. Yang Berhormat tak payah susah payah buat kerja itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini konsep Barisan Nasional.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi bukan di sini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan MCA.

Tuan Lim Guan Eng: Apa mencelah macam ni? Kalau hendak minta jalan saya akan beri, tak payah mencelah seperti ini. Ikutlah tertib dan saya rasa cadangan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak waras dan rasional kerana kalau kita lihat contoh di Bangkok, sungguhpun tidak ada tempat letak kereta yang cukup, saya rasa kerana Yang Berhormat datang dari bahagian utara Semenanjung biasa pergi ke Thailandlah, tentu akan perhatikan, saya harap untuk sebab-sebab yang suci, tetapi biasa pernah diperhatikan bahawa di Bangkok sungguhpun tempat letak kereta tak cukup kerana dalam segi peraturan mereka, mereka tak begitu ketat untuk memastikan bahawa mesti ada peruntukan sekian-sekian tentang tapak letak kereta tetapi kesesakan lalu lintas masih wujud lagi dan sebaliknya menjadi lebih teruk, sehingga ia dianggap satu bandar raya yang paling teruk di rantau Asia, bukan sahaja di rantau Asean tetapi di seluruh Benua Asia.

Oleh sebab itu, saya rasa pokoknya apabila kita memperkenalkan satu sistem pengangkutan awam, sungguhpun ia akan diheboh-hebohkan sebagai yang paling canggih, paling baik sekali macam Intrakota - tidak jalan langsung. Apabila ia diperkenalkan lagi teruk. Saya ingat Yang Berhormat pun akan setuju kalau Yang Berhormat menaiki bas, tetapi Yang Berhormat dengan kereta Mercedesnya tentu tidak faham masalah orang-orang bawah yang terpaksa menggunakan pengangkutan awam. Saya harap bolehlah sensitif sedikit, tetapi kalau sektor swasta sendiri boleh membangkitkan isu ini, saya rasa itu boleh dianggap sebagai satu krisis. Kalau ia satu krisis, apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk memerangi sebagai peringkat atau krisis, bukan secara *ad-hoc* seperti yang dipakai sekarang. Di antara isu-isu lain dalam dialog tahunan ini ialah tentang kadar bayaran oleh Kualiti Alam Sendirian Berhad, tentang sisa-sisa industri yang mereka rasa adalah agak tinggi.

Yang ketiga, tentang perlunya mempertingkatkan latihan supaya dapat menampung keperluan industri-industri.

Yang keempat, duti import dan pengecualian cukai jualan bagi produk-produk berkenaan untuk persatuan-persatuan industri yang tertentu. Common effective preferential tariff dan

kesukarannya untuk mengeksport kepada pasaran ASEAN yang lain, khususnya di Indonesia dan Thailand.

Yang keenam, kos pengeluaran yang meningkat kerana kenaikan kos yang dikenakan oleh utiliti-utiliti yang telah diswastakan khususnya Tenaga Nasional yang baru-baru ini ingin meningkatkan kos tarif.

Dalam perkara ini saya ingin memanjangkan sedikit tentang perlunya kita menyekat kos yang dikenakan oleh badan-badan berkanun yang diswastakan. Tidak boleh dinafikan bahawa satu daripada dasar atau usaha penswastakan ialah untuk:

- (i) meningkatkan efisiensi;
- (ii) mengurangkan kos menerusi peningkatan produktiviti; dan
- (iii) memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan bermutu kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya sejak dasar penswastakan dilaksanakan, kesemua dasar ini tidak tercapai langsung.

Baru-baru ini kita membaca tentang permohonan oleh Tenaga kepada Kabinet untuk menaikkan tarif elektrik dan yang paling mengejutkan sekali ialah saranan atau sebab yang diberikan oleh Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional iaitu Dato' Dr. Tajuddin Ali, oleh kerana 'Standard & Poor' telah menurunkan rating Tenaga, ia perlu menaikkan tarif elektrik. Now, rating agency 'Standard & Poor' telah menurunkan kadar atau rating Tenaga di pasaran kewangan antarabangsa, kerana mereka menyatakan tidak ada satu, dengan izin, a stable tariff regime - like of a stable tariff regime yang mengakibatkan mereka merasakan bahawa dari segi attractiveness, dengan izin, mereka yang hendak meminjamkan wang kepada Tenaga tidaklah begitu baik, kalau berbanding dengan masa lampau dan ini akan membawa kesan kerana ratingnya telah turun, harga atau kos meminjam akan naik. Oleh kerana keadaan yang sedemikian Tenaga telah mengambil kesempatan untuk memohon tarif elektrik dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah alasan yang sungguh tidak memuaskan dan tidak boleh diterima langsung, malah Pengerusi Eksekutif Tenaga menyatakan bahawa kalau kita hendak memastikan pada masa lampau kita tidak bayar lebih, kita perlu bayar lebih sekarang. Saya tidak faham logik inilah. "If you don't want to pay more in the future, we should pay more now"- saya rasa ini macam ada perverted logic, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sesuatu badan berkanun yang telah diswastakan, selain daripada menaikkan kos produk-produk atau kos barang-barang yang dikeluarkan, satu daripada cara mereka boleh meningkatkan keuntungannya ialah menerusi cara meningkatkan produktiviti, tentulah ada cara lain ialah mengurangkan kos. So there are three ways of increasing the profit of any firm, dengan izin. Ini adalah sesuatu yang agak asas.

Yang pertama, meningkatkan kos produk.

Yang kedua, mengurangkan perbelanjaan untuk mengeluarkan produk tersebut.

Yang ketiga, meningkatkan produktiviti atau efisiensi.

Mengapakah Tenaga hanya semata-mata hendak meningkatkan produk keuntungan dengan menaikkan kos tanpa melihat perlunya menurunkan perbelanjaan atau meningkatkan efisiensi dan produktiviti. Kegagalan Tenaga sedemikian telah bercanggah dengan dasar dan rasional Tenaga diswastakan. Apa gunanya kita swastakan Tenaga kalau Tenaga tidak boleh menaikkan produktiviti atau efisiensinya? Bukankah ini menunjukkan bahawa penswastakan Tenaga telah gagal? Oleh yang demikian, saya rasa dalam perkara ini pihak kerajaan mesti tegas, mesti menolak sama sekali mana-mana cadangan permohonan atau syor oleh Tenaga untuk menaikkan tarif elektrik. Kalau hendak memperbaiki kedudukan ratingnya dalam 'Standard & Poor' - tingkatkan produktiviti, bukanlah dengan menaikkan tarif elektrik. Saya harap pihak Tenaga akan mengambil berat saranan ini, kerana saya rasa rakyat tidak akan setuju kalau Tenaga dibenarkan menaikkan tarif elektriknya. Tidak boleh dinafikan bahawa pengguna-pengguna memang tidak puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Tenaga selama ini.

Kalau kita tengok dari segi gangguan bekalan elektrik, saya rasa jumlahnya agak besar. Dari segi jumlah gangguan bekalan elektrik setahun saya rasa mencapai 100,000 - besar dan kecil, tetapi sungguhpun demikian, apakah pampasan yang diberikan oleh Tenaga kepada pengguna-pengguna? Tidak ada langsung. Mereka tidak dibayar sebarang pampasan atau gantirugi. Oleh yang demikian, saya rasa selagi efisiensi mereka tidak dipertikaikan, kita tidak boleh layan sebarang permohonan menaikkan tarif elektrik. Tenaga mesti menunjukkan membuktikan kebolehan, kemampuannya terdahulu, janganlah menaikkan keuntungan dengan menaikkan tarif elektrik. Pada masa yang sama kita pun harus bersimpati dengan Tenaga kerana terpaksa membuat bayaran untuk membeli pembekalan elektrik daripada IPP.

Saya rasa kalau kita hendak menangani rintihan atau aduan oleh pihak pelabur asing kita harus mengkaji semula semua perjanjian, kontrak atau persefahaman di antara Tenaga dan IPP tersebut. Kerajaan tentu akan kata akan menolak cadangan pihak kami bahawa kontrak atau harga jualan dalam lingkungan 11 sen hingga ke 16 sen ini dikaji semula kerana kita tidak boleh mungkir janji, kerana ini semua dalam perjanjian, kalau kita mungkir janji kerajaan akan disaman besok dan kita akan terpaksa membuat bayaran pampasan beribu-ribu juta atau berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan seperti ini tidak menyakinkan, kerana memang diketahui umum kalau kerajaan ingin mengkaji semula sebarang perjanjian tidak ada satupun badan swasta yang berani mencabar atau melawannya di mahkamah. Kalau kerajaan bertekad untuk meminta IPP mengkaji semula harga jualan kepada Tenaga, saya rasa IPP tersebut akan akur dan akan menerima arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan tanpa sebarang cabaran di mahkamah. Ini saya rasa adalah satu amalan yang diketahui umum dan diterima umum. Ada banyak contoh sebelum ini, sungguhpun perjanjian telah ditandatangani, tetapi apabila kerajaan tidak mahu melaksanakannya, pihak swasta tidak mengambil sebarang tindakan.

Contohnya apabila ada satu projek besar-besaran RM17 bilion di Jerai, satu science park yang dilaksanakan oleh bekas Menteri Besar Kedah, tiba-tiba pada pertengahannya projek ini dibatalkan. Sungguhpun semua kontrak sudah ditandatangani dengan pihak swasta, tetapi kita tidak nampak, kita tidak lihat pun iaitu syarikat swasta ini membawa kes Kerajaan Negeri Kedah ke mahkamah, tidak ada langsung - beranikah? Kalau mereka berani, tidak payah berniaga lagi. Itu pun sama untuk IPP, kerana selain daripada membekalkan atau menjanakusakan elektrik mereka juga ada perniagaan yang lain-lain. Oleh yang demikian, saya rasa tidak merupakan masalah kalau kerajaan ingin memaksa atau mengarahkan IPP mengurangkan harga jualan, penjanakuasaan elektrik kepada Tenaga.

Saya rasa keengganan pihak kerajaan berbuat demikian menunjukkan 'ada udang di sebalik batu', bahawa kepentingan pihak-pihak swasta tertentu harus dijaga, dipelihara dan dibela. Kerana rasional kalau kita mungkir atau tidak mengikut perjanjian yang telah dicapai akan mengakibatkan cabaran di mahkamah dan terpaksa membayar gantirugi, ini tidak boleh pakai langsung. Semua orang tahu kalau kerajaan mahu, syarikat swasta tidak berani lawan, kerana kalau syarikat swasta hendak lawan, dia tidak payah berniaga lagi macam Kingston Loo, bekas pemilik Kentucky Fried Chicken. Apabila dia lawan kerajaan dalam Kuala Lumpur Commodity Market tentang oil palm futures, akhirnya dia terpaksa tunduk juga kerana kerajaan menggunakan kuasa. Tentu ini tidak beretika, tetapi kerajaan menggunakan kuasa dalam aspek-aspek lain untuk menyekat perkembangan perniagaannya.

Oleh sebab itu, saya harap dalam perkara ini pihak kerajaan akan peka kerana bukan sahaja dari segi kos yang kian naik untuk utiliti-utiliti yang telah diswastakan, ia merupakan satu masalah kepada sektor swasta dan pelabur-pelabur industri, tetapi juga kepada pengguna-pengguna dan orang biasa. Perkara ini harus diambil kira dan dipertimbangkan dengan serius. Akhirnya ialah perlunya mempertingkatkan efisiensi pelabuhan dan infrastruktur di pinggir Timur Semenanjung Malaysia. Saya rasa dari segi efisiensi pelabuhan tidak boleh dinafikan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita bukan sahaja di Pantai Timur, tetapi juga di pelabuhan Klang

belum tercapai satu tahap yang memuaskan. Sungguhpun dari segi efisiensinya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pernah menyatakan kita dalam tahap mungkin nombor 34 atau 35. Apabila kekerapan computer down yang mengakibatkan banyak kontena tidak boleh dikeluarkan, saya rasa ini menjadikan Pelabuhan Klang 'a standing joke'lah! Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Peristiwa yang paling baru adalah berlaku semasa Krismas. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu tentang perkara ini apabila kontena-kontena tidak boleh keluar dalam masa satu minggu menjelang perayaan Krismas dan semua barang yang berkaitan dengan perayaan hari Krismas, hanya untuk musim Krismas tidak dapat dijual dan terpaksa dibuang, menghadapi kerugian yang besar kerana kegagalan Pelabuhan Klang pada tahun lepas masa Krismas. Saya telah menerima banyak aduan dari peniaga-peniaga sungguhpun di Melaka tidak ada pelabuhan yang boleh dibanggakan, tetapi banyak aduan yang saya telah terima daripada peniaga-peniaga dari Pelabuhan Klang, Johor dan Negeri Sembilan yang mereka rasa marah macam mana kita boleh mengharapkan Pelabuhan Klang kalau inefficiency seperti ini boleh berlaku. Sungguhpun Singapura adalah lebih jauh, saya rasa pelabur-pelabur asing lebih yakin tentang jentera dan efisiensi mereka. Oleh sebab itu, saya rasa aduan atau masalah yang dikeluarkan ini adalah tepat sekali dan pihak kerajaan harus mengambil langkah untuk mengatasinya.

Selain daripada itu, kita juga harus melihat produktiviti negara keseluruhannya. Kalau kita melihat laporan produktiviti negara yang dikeluarkan, yang menyatakan bahawa TFP Malaysia adalah pada satu peringkat yang boleh dibanggakan. Pada tahun lepas, kadar produktiviti negara telah naik sebanyak 5.7% berbanding dengan 6.6% dalam tahun 1995. Saya rasa penurunan sedemikian adalah berlawanan dengan penekanan pihak kerajaan ke atas perkembangan ekonomi berteraskan produktiviti, sama ada dalam Belanjawan tahun lepas ataupun Rancangan Malaysia Ketujuh, we should emphasis more of productivity given growth more than input given growth, dengan izin, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Di sini saya ingin bertanya apakah sebabnya produktiviti negara telah turun? Pernah saya baca bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah mencadangkan bahawa kita, dengan izin, peg increase in wage rate with productivity growth, kerana mengikut beliau kenaikan gaji adalah melebihi penambahan produktiviti dan ini bukanlah sesuatu yang menggalakkan kerana, dengan izin, we are spending above our abilities and our productive capacity.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat secara imbas dan secara kasar, mungkin rasional ini boleh diterima. Tetapi kalau kita lihat dengan lebih halus masalah kenaikan gaji, masalahnya ialah dalam peringkat pengurusan tertinggi, bukan kakitangan atau pekerja-pekerja bawahan. Saya menyatakan demikian, kerana kalau kita melihat top executive atau c.e.o. syarikat-syarikat yang paling besar, mereka mendapat kenaikan gaji yang paling tinggi sekali. Dengan izin, they are represent the main contributing factor to the rise of wage rate, kalau kita membandingkannya dengan kenaikan gaji pekerja-pekerja bawahan.

Oleh sebab itu, kalau kita hendak peg wage rate dengan productivity, saya rasa kita mesti mula, we should start from the top down approach, kita mesti mula dari atas supaya kalau kita hendak menaikkan gaji, tengoklah produktiviti. Start from the top, mulalah dengan c.e.o. dan gaji c.e.o. berlipat ganda seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebaliknya pekerja-pekerja bawahan tidak dapat kenaikan gaji yang sewajarnya.

Oleh sebab itu, saya rasa kita tidak harus bekukan gaji pada tahap produktiviti kerana ini adalah sesuatu yang agak subjektif. Kita harus melihat sumbangan mereka. Apabila sesebuah syarikat mendapat keuntungan yang tinggi, umpamanya keuntungannya naik 50%, kita tidak lihat pekerja bawahannya gajinya naik 50%, tidak ada langsung, tetapi gaji c.e.o. mungkin naik 50% adalah, bukan secara langsung tetapi dari segi share option atau bonus - ada. Tetapi untuk pekerja-pekerja bawahan, ini memang tidak berlaku. Saya tidak pernah lihat sesebuah syarikat di mana keuntungannya naik dalam satu tahun 50% atau 60%, gaji pekerja bawahan mana ada naik 50% atau 60%. Mungkinilah kalau kita hendak satu 'a stakeholder economy' di mana pekerja-

pekerja mempunyai 'a stakeholder interest' dalam syarikat yang di mana mereka berkhidmat, kita harus mengkaji atau mempertimbangkan sekurang-kurangnya kenaikan gaji mereka harus selaras, kalau tidak 100% tetapi sekurang-kurangnya selaras dengan kenaikan keuntungannya supaya mencerminkan sumbangan yang mereka berikan kepada syarikat tersebut. Kalau syarikat untung 50% lebih tinggi daripada tahun lepas tetapi gajinya hanya naik 10%, saya rasa itu dari segi keadilan, kesaksamaan adalah tidak betul dan tidak wajar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya dari segi absolute figure TFP negara kita. Saya membuat persoalan ini kerana semasa saya memberikan angka-angka, ia telah dipertikaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa yang sama sungguhpun mempertikaikan angka-angka yang dikeluarkan oleh saya, beliau tidak mahu berdebat tentang perkara ini kerana beliau sendiri mengakui bahawa mungkin ada wajaran yang berlainan dalam mengukur TFP dan beliau tidak menolak sama sekali angka-angka yang diberikan oleh saya, tetapi saya memetik daripada satu syarikat pengurusan yang ada terkenal di dunia, iaitu McKenzie Analysis di mana syarikat ini mengeluarkan banyak guru, dengan izin, management guru, termasuk Kenichi Ohmae iaitu management guru Jepun yang menjadi penasihat utama bukan sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi juga MSC.

Kalau beliau datang daripada syarikat McKenzie dan McKenzie mengeluarkan angka-angka total factor productivity, seperti yang saya berikan pada perbahasan Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan DiRaja, saya rasa ia adalah satu angka yang boleh dipercayai apabila ia datang dari McKenzie. Kalau ia tidak boleh dipercayai, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak boleh mempercayai Kenichi Ohmae dan MSC pula kena tukar penasihat kepada orang yang lain.

Oleh sebab itu, saya hendak bertanya dari segi absolute figure, bukan dari segi growth, relative, kita hendak absolute yang mana TFP productivity driven dan input driven, apakah TFP negara kita berbanding dengan negara lain? Kerana mengikut McKenzie sepanjang 10 tahun, di

antara tahun 1982 hingga 1992 (tenth period from 1982 to 1992), Malaysia duduk adalah pada kedudukan yang paling bawah sekali iaitu dalam lingkungan 16%. Ini adalah satu kedudukan yang agak membimbangkan. Kalau saya tidak silap, angka-angka ini pun telah digunakan oleh universiti-universiti dalam kajian mereka untuk menunjukkan bahawa keadaan TFP oleh negara kita adalah tidak memuaskan. Jadi, kalau angka oleh McKenzie tidak tepat atau menerusi wajaran yang berlainan, saya harap pihak kementerian bolehlah memberikan angka-angka TFP negara kita dan membandingnya dengan negara-negara di rantau Asean. Saya harap bahawa dalam aspek ini kita boleh mencari jalan macam mana kita boleh meningkatkan produktiviti dan juga meningkatkan TFP kita.

Saya juga ingin mendapatkan sedikit angka-angka dari segi pecahan (breakdown) kenaikan produktiviti dalam semua sektor, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan sebagainya dan juga tentang industri-industri berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan TFP di antara tahun 1991 hingga 1995 adalah sebanyak 0.9%, manakala capital intensity, dengan izin, adalah bertambah sebanyak 7.8%. Di sini saya ingin bertanya, mengapakah pertumbuhan ini adalah setakat 0.9%? Kalau kita mula dari satu tahap yang tinggi, saya rasa itu memang satu pertumbuhan yang boleh dibanggakan, tetapi kalau kita memulakan dari satu tahap yang agak rendah, saya rasa kita ingin mempersoalkan tahap dan dynamism, dengan izin, pertumbuhan tersebut.

Usaha menggalakkan pelaburan bukanlah setakat memberikan insentif dan galakan. Saya rasa dari segi mutu perkhidmatan, khususnya mutu perkhidmatan kerajaan yang diberikan pun sama-sama penting. Tidak boleh dinafikan banyak perkara yang dibangkitkan atau yang diuruskan oleh pihak kerajaan menghadapi, dengan izin, bureaucratic delay and red tape. Apakah usaha kerajaan dalam perkara ini untuk mengatasi masalah kelambatan yang timbul? Satu daripada caranya ialah untuk mengadakan one-stop-agency atau agensi-satu-henti, kecuali ada komitmen dan ada penyelarasan yang mencukupi, saya rasa ia tidak akan berkesan selain daripada apa yang berlaku di MSC di mana semua sekali boleh diuruskan dalam satu tempat di

MSC. Tetapi saya rasa kita harus memastikan peningkatan nilai dan mutu produktiviti secara keseluruhannya, bukan sahaja dari segi pelaburan-pelaburan asing sahaja tetapi juga untuk pelaburan-pelaburan tempatan, kerana kalau kita hanya berminat untuk menarik pelabur daripada luar negeri tanpa mengambil kira masalah pelabur-pelabur tempatan, saya rasa itu bukanlah waras dan tidak akan menyumbang atau tidak membolehkan negara merealisasikan potensi ekonomi kita. Dalam perkara ini saya harap bahawa pihak kerajaan boleh peka dengan masalah ini.

Perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita hendak menggalakkan pelaburan, kita mesti memastikan kerajaan kita berjalan dengan bersih, cekap dan amanah. Tidak boleh dinafikan bahawa amalan rasuah telah bertambah serius sekarang kalau berbanding dengan 10 tahun yang lepas. Kalau masalah dan amalan rasuah tidak dibendung, saya rasa pelabur-pelabur asing tidak akan datang ke negara kita, malah laporan Transparency International, satu badan untuk mengukur betapa berasuah sesebuah negara dijadikan sebagai satu ukuran oleh setengah-setengah syarikat untuk melabur dalam negara tersebut. Saya percaya masa akan sampai tidak lama lagi di mana ia akan dijadikan satu yardstick, dengan izin, satu kayu pengukur untuk melabur atau tidaknya ke sesebuah negeri atau negara.

Di sini saya amat kesal bahawa pihak kementerian nampaknya tidak komited untuk memerangi amalan rasuah. Sepertimana kita selalu mengheboh-hebohkan atau melaung-laungkan cogan kata “Kepimpinan Melalui Teladan”, tetapi dalam perkara ini pihak menteri sendiri tidak mengikut apa yang dia laung-laungkan, hanya menjadi omong-omong kosong sahaja.

Saya merujuk skandal pemberian saham oleh Yang Berhormat Menteri MITI kepada menantunya dalam tahun 1994, di mana pemberian saham ini menjadikan satu skandal yang telah diketahui umum. Bukan sahaja beliau mempengerusikan mesyuarat yang meluluskan saham kepada menantunya, tetapi juga pada masa yang sama telah menandatangani dokumen kelulusan

pemberian RM25 juta saham kepada menantunya, iaitu 1.5 juta saham Universal Leader dan 4 juta saham FACB.

Skandal ini telah menjadi satu skandal yang diketahui umum. Sungguhpun demikian, beliau tidak mahu letak jawatan. Tetapi pada masa yang sama beliau boleh meminta Menteri Besar Selangor turut letak jawatan kerana terlibat dalam skandal yang diketahui umum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohammad Taib harus meletak jawatan kerana skandalnya telah diketahui umum, dengan izin, has become a public scandal. Itu sebab dia kena letak jawatan. Kalau tidak diketahui umum, tidak payah letak jawatan. Itu mungkin rasional Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, boleh senyap-senyap, sunyi-sunyi, jangan cakap, jangan heboh, tidak payah letak jawatan. Seperti lapan Ahli Exco daripada UMNO dan MCA yang disiasat oleh BPR kerana terlibat dalam amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan kewangan, tidak payah letak jawatan.

Kalau kita ingin gunakan ini sebagai satu kayu pengukur atau lojik atau 'yardstick', apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan patutlah diikuti atau diakuri oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kerana skandal beliau memberikan saham kepada menantunya, Fazrin Azwar diketahui umum, menjadi, dengan izin, a public scandal. Kalau begitu, mengapakah beliau tidak meletak jawatan? Mengapakah beliau boleh mendesak - dari pihak DAP, kami rasa desakannya ke atas Tan Sri Mohammad Taib memang benar, harus meletak jawatan sebagai Naib Presiden UMNO. Sungguhpun beliau betul, tetapi mengapa beliau boleh mendesak Tan Sri Mohammad Taib meletak jawatan, sedangkan beliau enggan berbuat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya ingat perkara ini jauh daripada asas.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu sebagai contoh perlunya kita memerangi amalan rasuah. Sebab itulah saya rasa nampaknya beliau bukan sahaja 'cakap tak serupa bikin', ada 'double standard' yang diamali oleh beliau. Dalam perkara ini saya rasa, harus dihayati oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri supaya kita boleh benar-benar memerangi amalan rasuah. Kalau kita hendak meningkatkan atau menggalakkan pelaburan ke negara kita, gejala rasuah mestilah diperangi sehabis-habisan. Kita tidak patut kasihan mana-mana pihak yang terlibat dalam amalan rasuah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak tahulah. Tetapi pihak kerajaan mesti serius dalam perkara ini, kerana pihak kerajaan tak serius, gejala rasuah telah bertambah serius.

Kegagalan pihak komponen Barisan Nasional menjalankan kempen anti rasuah menunjukkan bahawa kerajaan membenarkan, dengan izin, condonce amalan rasuah terus berleluasa. Dan yang paling teruk ialah negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak, ia menjadi satu budaya politik. Amalan rasuah menjadi budaya politik. Saya rasa itu adalah sesuatu keadaan yang tidak boleh dibenarkan lagi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya harap hujah-hujah yang saya bangkitkan khususnya tentang amalan rasuah bolehlah diambil kira, kerana kalau tidak, kita boleh pilih sesiapa tanpa undang-undang yang sedia ada, amalan rasuah akan bertambah teruk bukan sahaja menteri besar akan terlibat dalam rasuah, menteri-menteri pun terlibat dalam rasuah. Kita tidak mahu sampai yang paling atas sekali pun terlibat dalam amalan rasuah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

4.35 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997. Memang kita mengalu-alukan tindakan pihak kementerian untuk memperkenalkan pindaan ini memandangkan rang undang-undang yang ada dahulu memang perlu dikaji semula, dan pembentangan pindaan ini memang tepat pada masanya. Kita mengakui hakikat bahawa untuk meneruskan perkembangan ekonomi negara, pihak kerajaan perlu mengkaji dari masa ke semasa apa-apa tindakan yang boleh menarik pelaburan ke negara kita ini. Ini sudah pasti akan diambil

kira sehubungan kepada perkembangan ekonomi negara oleh pelabur-pelabur dari negara-negara asing.

Tetapi saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang perlu diketengahkan, iaitu pertama ialah dasar pelaburan. Saya telah membangkitkan beberapa kali bahawa kalau kita ingin rakyat asing ataupun pelabur-pelabur asing melabur di negara kita ini, pihak pelabur-pelabur tempatan haruslah menunjukkan keyakinan mereka sendiri terhadap perkembangan dan juga iklim pelaburan di dalam negara kita sendiri sebelum kita mengharapkan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita. Tetapi apa yang penting ataupun yang menarik di sini di akhir-akhir ini ialah rakyat Malaysia berlumba-lumba sendiri untuk melabur di luar negara. Adakah ini menunjukkan bahawa mereka sendiri tidak ada keyakinan tentang iklim pelaburan ataupun sistem pentadbiran di negara kita sendiri? Tetapi kita ingin pula rakyat asing untuk datang ke negara kita. Ini harus diambil perhatian khususnya oleh pihak Kementerian, oleh kerana ini boleh mempengaruhi pihak pelabur asing sama ada mereka datang ke negara kita untuk melabur atau tidak.

Kita mungkin boleh memberi berbagai galakan kepada mereka di dalam segi consession ataupun tax exemption, dengan izin, tetapi itu mungkin tidak mencukupi kalau rakyat asing sendiri diminta untuk datang ke negara kita ini, tetapi rakyat kita sendiri pergi ke luar negara untuk membuat pelaburan di situ. Persoalan yang akan ditanya oleh pelabur asing ialah 'kenapa saya datang ke Malaysia, tetapi rakyat Malaysia sendiri membawa wang mereka keluar daripada negara mereka sendiri. Apa sebabnya mereka berbuat demikian?' Itu persoalan yang akan ditanya oleh pelabur asing. Saya harap pihak kementerian akan membuat kajian yang menyeluruh di dalam hal ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu mengenai amalan rasuah di dalam hal pentadbiran negara. Ini penting khusus di dalam urusan penswastan badan-badan berkanun kerajaan yang boleh menggerakkan ataupun kita mengharapkan untuk menggerakkan

perkembangan ekonomi. Saya membangkit khusus keadaan di Sabah, di mana beberapa agensi-agensi kerajaan yang diswastakan telah diketahui umum bahawa syarat-syarat penswastakan agensi kerajaan itu misal kata Sabah Cement Industry, di mana pihak Kementerian Kewangan telah memberi sepatah dua kata bahawa syarat-syarat pelaksanaan penswastakan itu adalah melanggar undang-undang, Ordinance 22, dengan izin.

Namun pihak kerajaan difahamkan tidak mengambil hirau nasihat pihak Kementerian Kewangan di dalam hal ini. Saya faham dan saya sedar bahawa parti UMNO sendiri telah mengeluarkan satu keraguan dalam hal ini. Jadi, persoalannya dapatkah ini meyakinkan pihak pelabur datang ke negara kita khususnya di Sabah kalau amalan rasuah itu berterusan.

Satu lagi perkara ialah mengenai penswastakan SLDB, dengan izin. Agensi ini diswastakan oleh pihak kerajaan ataupun dicadangkan diswastakan oleh pihak kerajaan dengan cara yang cukup mengelirukan, sehingga pihak UMNO sendiri telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang berkata bahawa syarat-syarat penswastakan SLDB ini tidak menurut peraturan. Perkara ini telah dilaporkan kepada pihak-pihak berkuasa seperti BPR, tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang diambilkan. Dan yang lebih menyedihkan lagi ialah pihak kerajaan negeri telah dikatakan bila menjalankan penswastakan ataupun menjual sahamnya di dalam Sabah Bank dan Sabah Development Bank tidak mengutamakan keuntungan di dalam penjualan itu. Semua ini membayangkan bahawa cara-cara pentadbiran negeri itu tidak mengikut apa yang seharusnya dilakukan untuk menggerakkan perkembangan ekonomi. Maka itu perkara yang harus saya bangkit di sini oleh kerana kita khuatir pihak kementerian perindustrian di peringkat Persekutuan tidak menyedari perkara ini, kerana kalau ini berterusan sudah tentu perkembangan perindustrian di negeri Sabah tidak akan maju. Saya minta supaya pihak kementerian akan dapat berhubung terus dengan pihak-pihak yang berkenaan di peringkat negeri dan juga pihak-pihak penyiasat supaya segala peraturan haruslah dipatuhi di dalam urusan menjalankan perindustrian supaya perbuatan yang tidak menurut undang-undang itu tidak akan

menghalang ataupun will not discourage, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, para pelabur untuk datang melabur di negeri Sabah.

Berpindah kepada keadaan infrastruktur yang ada di negeri Sabah untuk menarik pelabur. Kita faham bahawa keadaan di Semenanjung memang cukup selesa untuk para pelabur menjalankan pelaburan. Tetapi yang malangnya di Sabah tidak begitu dapat menarik pihak pelabur-pelabur untuk menempatkan industri-industri mereka ke negeri Sabah. Saya sedar bahawa pihak kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan telah membabitkan Sabah sebagai satu daripada yang diberi galakan khusus untuk menambahkan perindustrian. Tetapi namun demikian, tidak banyak para pelabur datang ke negeri Sabah.

Saya difahamkan bahawa beberapa faktor menyebabkan perkara ini berlaku, iaitu yang pertama keadaan infrastruktur yang tidak begitu baik ataupun lebih daripada tidak baik, tidak mencukupi. Dan juga tariff electricity yang begitu tinggi dan bekalan air yang tidak mencukupi.

Saya harap pihak kementerian akan mengambil kira perkara ini di dalam perancangan penggalakan pelaburan di negeri-negeri yang kurang maju terutama di Sabah dan juga di Sarawak. Ini penting oleh kerana faktor yang diambil kira oleh para pelabur untuk menempatkan pelaburan mereka ataupun industri mereka ialah kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga tariff electricity dan juga air dan kita semua faham dan Tuan Yang di-Pertua faham keadaannya di Sabah dan saya harap pihak kementerian akan berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai cara-cara untuk mengurangkan tariff electricity dan juga bekalan air yang mencukupi untuk maksud perindustrian di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai Sabah ialah gelanggang khusus untuk industri yang berorientasikan eksport dan pada awalnya bila KKIP dirancang, kita difahamkan bahawa 'free trade zone' akan diadakan di situ, tetapi bila perlaksanaannya dijalankan tidak ada 'free trade zone' diberikan kepada Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).

Saya mohon supaya pihak kementerian akan mempertimbangkan semula keputusan tidak memberi status 'free trade zone' di KKIP ini, oleh kerana insentif seperti ini penting untuk Sabah

memandangkan keadaan geografinya yang jauh daripada perjalanan perkapalan dan kalau tidak ada insentif khusus untuk menarik para pelabur untuk meletakkan industri mereka di Sabah, sudah tentu akan mengambil masa sebelum Sabah dapat bersaing dengan negeri-negeri lain.

Saya harap juga supaya pihak kementerian akan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengkaji satu kemungkinan memajukan industri 'maritime' di negeri Sabah. Kita faham bahawa Singapura bukan mempunyai apa-apa natural resources, dengan izin, namun ia boleh maju dengan begitu pesat sehingga dapat bersaing dengan Pelabuhan Klang dan mengikut pandangan dan pengertian kita ini berlaku ialah oleh kerana 'natural geographical location'.

Demikian juga dengan Hong Kong. Hong Kong bukan mempunyai natural resources yang boleh digunakan untuk memajukan perindustrian, tetapi memandangkan 'location'nya yang begitu strategik maka ia boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya bersama-sama dengan kerajaan negeri membuat satu kajian yang menyeluruh agar kawasan Kudat dijadikan satu 'free trade zone' untuk Malaysia pada keseluruhannya. Dan juga satu pelabuhan antarabangsa dimajukan di situ memandangkan 'strategic location'nya. Kita faham bahawa kerajaan-kerajaan di Indo-China yang baru mula mengecapi kestabilan politik selepas berperang sesama sendiri begitu lama sudah mulai membuat perindustrian mereka masing-masing. Sudah tentu mereka di dalam mengeksport hasil-hasil perindustrian mereka, mereka memerlukan perkhidmatan perkapalan yang strategik untuk pasaran antarabangsa dan demikian juga negara China yang kian lama kian membangun di dalam pelbagai bentuk perindustrian dan memang di utara negeri Sabah iaitu Kudat, saya percaya kalau mempunyai infrastruktur yang cukup baik dengan perkhidmatan yang efisien, ia boleh bersaing dengan tempat-tempat lain seperti Singapura dan juga Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai industri pelancongan. Saya merasa bangga kerana Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri telah menyebut beberapa galakan yang akan diberikan kepada sektor ini tetapi yang disebutkan

ialah untuk perhotelan yang bertaraf tiga bintang ke bawah. Dan satu perkara yang unik di Sabah ialah akhir-akhir ini bilangan hotel yang bertaraf lima bintang telah melonjak begitu banyak. Dan di dalam tiga tahun yang lalu ataupun di dalam tiga tahun kebelakangan ini saya telah mendapat laporan bahawa bilangan bilik hotel bertaraf lima bintang telah mencapai kepada 10,000 daripada hanya 2,000 ataupun kurang daripada 2,000 tiga tahun yang lalu.

Masalahnya ialah penghuni ataupun 'client' yang tidak mencukupi dan saya difahamkan bahawa satu daripada sebabnya ialah negeri Sabah ini tidak ada hubungan udara yang langsung dengan lain-lain 'destination' ataupun negara-negara yang suka melancong seperti Eropah, Amerika dan juga di Australia. Kebanyakan para pelancong terpaksa sama ada singgah di Kuala Lumpur ataupun Singapura sebelum pergi ke Kota Kinabalu.

Saya ingin bertanya sama ada kerajaan akan mengambil kira sebagai satu daripada galakan pelancongan supaya 'open sky policy' akan diperkenalkan untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan juga perkhidmatannya yang cukup selesa supaya para pelancong akan dapat ditarik datang ke negeri Sabah.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada pihak kementerian supaya para pengusaha perhotelan diberi beberapa galakan seperti kos untuk pemasaran di luar negara supaya kos untuk pemasaran ini akan diambil kira sebagai satu daripada faktor yang dikecualikan daripada cukai agar mereka akan dapat membuat promosi perhotelan ataupun pelancongan khususnya untuk negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai pelaburan dalam pembangunan industri makanan ataupun industri yang berasaskan hasil pertanian. Saya cukup yakin bahawa di dalam negara kita ini kalau para pelabur diberi galakan, mereka akan membuat pelaburan secara besar-besaran untuk penghasilan makanan.

Kita semua tahu apa yang sedang berlaku di Korea Utara sekarang ini yang sedang menghadapi masalah kekurangan makanan dan kita tidak minta perkara itu berlaku di sini, tetapi kalau kita ambil kira bagaimanakah ini telah berlaku di Korea Utara dan juga kita mengambil kira apa yang telah berlaku di bekas USSR di mana mereka juga kekurangan makanan, kita faham bahawa perancangan perindustrian itu, saya berani katakan silap, oleh kerana mereka telah

mengutamakan pengeluaran senjata. Mereka menggunakan pelbagai sumber untuk berlumba-lumba mengeluarkan senjata semata-mata untuk mahu bersaing di dalam industri ini.

Saya khawatir di dalam negara kita juga kita sedang berlumba-lumba untuk mengeluarkan pelbagai hasil untuk industri yang berasaskan pengeluaran yang berorientasikan eksport. Saya bukan mengatakan ini salah, tetapi kita harus berhati-hati oleh kerana kalau kita sudah sedar bahawa sesuatu yang kita rancangkan itu silap, mungkin sudah terlambat dan kita akan terpaksa begging, dengan izin, kepada kuasa luar dan apakah akan terjadi kepada kita kalau sekiranya itu berlaku kelak.

Dasar perindustrian kita harus dikaji selidik dengan sedalam-dalamnya, bukan sahaja daripada bidang pelaburan tetapi juga daripada bidang pemasaran dan adalah lebih baik kita cuba concentrate, dengan izin, kepada industri yang kita mempunyai bukan sahaja asas untuk dijadikan bahan untuk pengeluaran tetapi mempunyai potensi untuk pemasaran.

Dalam konteks ini, saya emphasize, dengan izin, iaitu kita mempunyai potensi di dalam bidang pengeluaran makanan termasuklah bidang perikanan, pengeluaran daging dan juga bahan-bahan makanan seperti beras. Apa yang diperlukan di sini ialah satu commitment dan political will, dengan izin, untuk memajukan sektor ini oleh pihak kerajaan.

Saya percaya bahawa kita mempunyai pasaran yang meluas di dalam konteks ini oleh kerana kita faham dalam pengeluaran beras sahaja di negeri China, saya difahamkan ialah mereka mengeluarkan beras yang sedikit sahaja tetapi bermutu tinggi untuk dieksport dan untuk rakyat mereka sendiri mereka mengimport kualiti beras yang rendah, oleh kerana terlalu besar keperluannya ataupun banyak kuantiti yang diperlukan. Jadi, saya harap pihak kementerian akan mengkaji perkara ini agar kita tidak akan tersilap.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang penyertaan bumiputera di dalam perindustrian ini. Kita faham bahawa kerajaan sudah mencapai banyak kejayaan di dalam bidang perindustrian tetapi di dalam pencapaian itu hanya segelintir golongan masyarakat sahaja yang telah berjaya. Masih banyak rakyat bumiputera yang jauh ketinggalan di dalam bidang perindustrian dan apa yang lebih malang ialah terutama di Sabah, tanah yang seharusnya digunakan oleh bumiputera untuk maju dalam apa bidang perindustrian pun, diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah dengan bayaran pampasan yang paling murah sekali - kurang daripada RM1 - bagi tiap-tiap satu kaki persegi.

Yang saya maksudkan ialah KKIP dan tanah-tanah bumiputera ini yang dirampas oleh kerajaan negeri daripada bumiputera dijual kepada rakyat bukan bumiputera dengan harga yang tinggi dan ini amat menyedihkan dan saya minta pihak Kerajaan Persekutuan supaya campur tangan di dalam hal ini agar satu perancangan akan dapat dilakukan di mana pemilik-pemilik bumiputera yang mempunyai tanah itu diberi bimbingan untuk mencebur diri di dalam perindustrian dengan menggunakan tanah mereka sebagai modal pelaburan dan diberi bantuan untuk mencari para pelabur yang boleh menggunakan tanah mereka itu dengan cara yang berpatutan tetapi jangan diambil kemudian dijual.....

Datuk Nurnikman bin Abdullah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Beaufort bangun minta penjelasan.

Tuan Yunof Edward Maringking:kepada orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, beri dia peluang Tuan Yang di-Pertua, mungkin dia ada tanah di situ.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah mendengar Yang Berhormat dari Tuanan mengatakan bahawa kerajaan negeri telah pun merampas tanah dan selepas itu dijual dengan harga yang lebih mahal. Bolehkah Yang Berhormat mengatakan perkara seumpama ini di luar supaya kemungkinan kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang oleh kerana perkataan “rampas” ini adalah perkataan yang melampau yang tidak harus kita perkatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, cabaran Yang Berhormat dari Beaufort itu saya tidak perlu ulang. Ada sahabat kita dari Jelutong di sini saya ingat yang telah mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan negeri dalam perkara ini dan biarlah

mahkamah yang akan menentukan dalam hal ini agar kerajaan negeri mungkin sedar tetapi apa yang saya ingin soal balik kepada sahabat saya dari Beaufort adakah wajar tanah yang dimiliki oleh bumiputera itu hanya bernilai kurang daripada RM1 tiap-tiap satu kaki persegi dan diambil oleh pihak kerajaan walaupun pada saat ini belum diperlukan oleh sesiapa pun, adakah ini merampas ataupun hanya sebagai andaian sahaja bahawa tanah itu akan diperlukan pada suatu hari nanti tetapi harganya sudah tinggi waktu itu.

Jadi, saya harap pihak kerajaan negeri tidak akan mensia-siakan harapan Kerajaan Persekutuan dan juga rakyat negeri Sabah bagi mereka untuk memajukan negeri tetapi di dalam memajukan negeri itu haruslah juga bertimbang rasa.....

Datuk Nurnikman bin Abdullah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Beaufort bangun lagi.

Tuan Yunof Edward Maringking:terutama kepada rakyat negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Seorang Ahli: Kasi bah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya fikir sudah cukup jelaslah Beaufort. *[Ketawa]* Jadi, saya minta supaya pihak Kerajaan Persekutuan terutama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan mengambil kira perkara ini oleh kerana dalam kita menggalakkan pelabur asing untuk datang melabur ke negara kita, rakyat tempatan jangan pula diabaikan terutama kaum bumiputera dan saya percaya dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

5.05 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Saya bersetuju bahawa dengan pindaan tersebut, ia dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang telah diumumkan di dalam Belanjawan yang lalu.

Saya menyokong IKS terutamanya yang terlibat dalam skim vendor dalam pengeluaran barangan perantara diberi pengecualian cukai selama 10 tahun. Ini akan meningkatkan kapasiti serta peranan IKS dalam pembangunan ekonomi negara kita. Kita sedia maklum, dalam persaingan ekonomi dunia yang begitu pesat, syarikat-syarikat kecil seperti IKS memainkan peranan penting berbanding dengan syarikat-syarikat besar yang dipanggil sebagai 'giant' terutama dalam bidang elektronik yang mempunyai 'life-span' yang begitu pendek. Syarikat-syarikat besar tidak mempunyai fleksibiliti untuk menyesuaikan diri mereka dengan perubahan pesat struktur ekonomi dunia.

Sebagaimana kita sedia maklum di Taiwan umpamanya, IKSlah yang memainkan peranan untuk memajukan ekonomi Taiwan. Saya berharap bahawa dengan pengecualian cukai ini IKS akan bertambah maju dan sepertimana yang diinginkan oleh kerajaan ia akan mencapai ke tahap 'world class'. Satu perkara yang saya ingin dapat daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri agar kementerian dapat menyediakan statistik berapa banyakkah IKS akan dapat manfaat daripada pengecualian cukai ini dan pada tahap manakah IKS ini? Adakah mereka sudah hampir ke peringkat menjadi pengeksport terbesar sampai ke peringkat dunia ataupun masih jauh lagi dan dari segi kementerian adakah blue-print disediakan untuk kita menjadikan IKS satu bidang besar yang akan menjadi kunci kepada pembangunan negara pada masa yang akan datang.

Saya ingin menyentuh tentang Pelan Induk Perindustrian Kedua. Sepertimana kita sedia maklum bahawa antara tujuan PIP II adalah untuk mengatasi masalah imbalan dagangan negara yang defisit. Kita sedia maklum bahawa pada tahun 1995, defisit kita dengan negara Jepun begitu besar sampai peringkat RM29 bilion dan ini mengatasi surplus kita dengan negara-negara lain sehingga kita mengalami defisit dagangan dengan negara-negara lain. Antara sebab defisit

ini berlaku kerana di negara kita terdapat banyaknya multinasional di bawah FDI yang bergiat dalam bidang eksport dan syarikat-syarikat ini mengimport barangan daripada negara mereka masing-masing. Malahan, daripada kajian yang dilakukan lebih 80% barangan modal dan perantara adalah barangan perantara ataupun barangan modal yang diimport daripada negara masing-masing.

Tujuan PIP II adalah untuk membuat pembetulan supaya syarikat-syarikat negara kita mengeluarkan barang-barang modal dan barang-barang perantara supaya ia dapat mengambil tempat barang-barang perantara dan barangan modal yang sekarang ini diimport oleh syarikat-syarikat multinasional ataupun FDI. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian sejauh manakah PIP II telah berkembang dari segi untuk mengadakan industri secara berkelompok. Berapa banyakkah syarikat perkilangan induk yang telah dikenalpasti, sama ada yang telah bergiat sekarang dan yang akan bergiat dengan syarikat-syarikat perkilangan kecil yang akan dijadikan kelompok-kelompok dalam syarikat tersebut.

Dan saya juga ingin bertanya sama ada dalam usaha kita untuk mengadakan syarikat-syarikat berkelompok ini sama ada ia juga melibatkan FDI ataupun multinasional kerana pada faham saya walaupun syarikat kita sendiri mengeluarkan barangan modal dan barangan perantara, sekiranya tidak melibatkan syarikat induk daripada negara luar, besar kemungkinan mereka tidak akan membeli barang-barang tersebut daripada syarikat-syarikat tempatan kerana kita sedia maklum bahawa semenjak kita melaksanakan Dasar Perindustrian Negara bermula daripada pertengahan 1985, syarikat-syarikat tersebut telah berada di Malaysia begitu lama dan sekiranya mereka ikhlas dan mahu untuk membangunkan industri 'ancillary' di dalam negara kita, saya percaya telah dapat dijalankan. Ini bermakna bahawa syarikat-syarikat multinasional ini mempunyai semangat kebangsaan yang begitu tinggi yang mengutamakan produk daripada negara mereka dan jikalau kita mengeluarkan produk-produk tersebut, adakah kemungkinan syarikat-syarikat induk ini akan mengambil produk-produk daripada negara kita.

Saya menyentuh tentang PIP II kerana pentingnya kita mengubah struktur ekonomi negara kita. Sepertimana saya nyatakan di dalam ucapan-ucapan saya yang lalu ekonomi negara kita banyak diasaskan kepada government driven iaitu satu 'push' yang datang daripada kerajaan. Jikalau kita mengikuti perkembangan ekonomi di Asia sekarang ini, kecuali beberapa negara, kebanyakan negara-negara Asia sekarang menghadapi masalah pertumbuhan ekonomi yang seterusnya, ekonomi yang telah berkembang pada tahap lebih 8% hingga 15% tetapi sekarang tidak boleh bertahan kerana, pertama, ia bergantung kepada 'push' kerajaan dan kedua daripada FDI. Kita sendiri menghadapi masalah tersebut sepertimana kita sedia maklum semasa industri elektronik menghadapi kelembapan pada tahun lalu, puluhan syarikat-syarikat FDI telah berpindah terutama ke negara China dan kita sedia maklum gaji bagi seorang pekerja di negara China adalah lebih kurang 300 Yuen ataupun RM70 dan ini merupakan satu jurang yang begitu besar dari segi kos buruh (labour cost) dibandingkan antara negara China dengan negara kita.

PIP II seharusnya mesti berjaya untuk kita mengeluarkan produk kita sendiri baru kita mempunyai ketahanan ekonomi untuk kita bersaing dengan negara-negara lain. Selagi kita bergantung kepada FDI kita akan menghadapi kedudukan ekonomi yang tidak begitu kukuh. Satu lagi sebab pentingnya PIP II adalah kerana penglibatan kita dalam industri informasi dan multimedia. Sepertimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa di bawah pindaan ini, syarikat-syarikat yang bergiat dalam MSC akan menerima pengecualian cukai selama 10 tahun dan saya cuba membayangkan sepertimana kita dimaklumkan bahawa lebih 150 multinasional telah menunjukkan minat untuk mendirikan kilang dan perniagaan di dalam MSC.

Pertama, soalnya dengan kita memberi pengecualian cukai tidakkah syarikat-syarikat ini datang untuk mengambil kesempatan daripada pengecualian cukai ini dan di samping itu mengambil peluang perniagaan yang begitu besar yang disediakan oleh kerajaan kita melalui Program Electronic Government, Smart Card, Smart School dan sebagainya. Jadi, apakah jaminan yang dapat kita pegang oleh kerajaan kita bahawa multinasional ini akan datang ke negara kita untuk berniaga di sini, mengadakan R&D, berkembang dan seterusnya berterusan di dalam negara kita ataupun mereka akan berpindah ke tempat-tempat lain kerana kita sedia maklum dalam tahun 1990-an ke atas, apatah lagi dalam abad ke-21, mobilisasi modal dan kilang begitu mudah, pada hari ini dia berada di Malaysia pada masa lain dia akan berada di negara-negara lain. Adakah tidak nanti dengan kita memberi pengecualian cukai ini multinasional akan mendapat dua keuntungan. Satu keuntungan dari segi pengecualian cukai dan satu keuntungan

dari segi perniagaan dan adakah bila perniagaan yang disediakan oleh kerajaan selesai dilaksanakan, mereka akan terus berada di sini, atau terus berpindah untuk mencari pula tempat-tempat lain.

Dalam kajian saya banyak negara sedang menjalankan usaha untuk membangunkan industri multimedia dan informasi. Kalau sekarang kita merasakan kita ada 'leading edge' atau 'competitive edge', pada masa akan datang negara lain akan ada dan jikalau negara lain pula menyediakan perniagaan yang besar, tidakkah nanti syarikat-syarikat ini akan berpindah ke negara-negara tersebut dan akhirnya apakah yang akan jadi kepada negara kita.

Dan tidakkah sepatutnya kita memberi pengecualian cukai selama 10 tahun tersebut dengan diikatkan dengan syarikat-syarikat tempatan umpamanya multi national yang bergiat dalam MSC untuk mendapat pengecualian ini seharusnya mempunyai rakan kongsi ataupun vendor yang dimiliki oleh syarikat tempatan supaya kita dapat manfaat daripada perkembangan industri tersebut di samping kita menjaga kepentingan negara kita.

Satu lagi yang saya ingin sentuh adalah mengenai dengan pemindahan teknologi, ini berkaitan dengan HICOM. Kita sedia maklum bahawa antara tujuan HICOM membeli Lotus adalah kerana tujuan untuk ia mendapat teknologi. Antara masalah yang dihadapi oleh HICOM adalah syarikat rakan kongsinya iaitu Mitsubishi dari Jepun tidak mahu memindahkan teknologi membuat enjin dan kita kena menerima hakikat bahawa negara Jepun ataupun bangsa Jepun, dia akan mengikat sesuatu negara itu begitu lama, pula tambahan dalam keadaan ekonomi negara tersebut sekarang mengalami keruntuhan sejak 10 tahun yang lalu, dia tidak akan melepaskan kita. Dia akan pegang kita sehingga kesatu masa yang kita sendiri mempunyai teknologi, baru dia akan melepaskan kita.

Jadi sehingga ini sejauh manakah usaha untuk kita mendapat teknologi dari Lotus berjaya dan jikalau belum berapa lamakah tempoh yang diperlukan? Bilakah HICOM ataupun syarikat-syarikat pengeluar kereta di negara kita akan mengeluarkan enjin kita sendiri?

Dan sehubungan dengan itu juga saya ingin menyentuh tentang ucapan Menteri Perdagangan yang menyatakan antara masalah utama kita untuk memindahkan teknologi

daripada syarikat-syarikat Jepun kepada masyarakat tempatan adalah kerana masalah bahasa. Apakah yang sedang kita lakukan? Adakah kita mengambil itu sebagai satu halangan dan kita rasa kita tidak boleh memindahkan teknologi kerana masalah bahasa dan kita biarkan begitu? Ataupun kita nak terjemahkan buku Jepun terutama teknologi Jepun ke bahasa kita ataupun langkah-langkah lain yang diambil. Kita tidak boleh bersikap pesimistik dan menerima bahawa pemindahan ini tidak boleh dilakukan atas alasan halangannya adalah masalah bahasa.

Satu lagi perkara yang menjadi kritikal kepada kita adalah mengenai tahap penguasaan teknologi oleh rakyat tempatan. Walaupun kerajaan menyatakan bahawa syarikat-syarikat harus bergiat dalam automasi serta high-tech tetapi mengikut apa yang dikatakan oleh FMM antara masalah kita adalah kita tidak mempunyai ramai tenaga pakar dan saintis yang menguasai teknologi. Kalau kita membuat perbandingan dengan negara-negara lain terutama negara-negara maju bilangan tenaga pakar dan saintis di negara kita begitu kecil sekali. Dan sekiranya ini tidak diselesaikan maka tidak mungkin kita akan dapat menguasai teknologi apatah lagi untuk mengeluarkan produk-produk yang berkualiti tinggi yang boleh bersaing dengan negara-negara lain. Jadi selain daripada transfer of technology apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan kita terutama kementerian supaya kita menguasai teknologi tersebut. Dan boleh ataupun tidak dalam soal untuk kita merangka masa hadapan kita dan rancangan masa hadapan, kita menyediakan data dan statistik supaya kita boleh tahu dengan rasa penuh yakin daripada keadaan yang tidak seimbang sekarang dengan tidak mempunyai teknologi, pada tahun berapakah, dalam tempoh berapa lamakah kita akan menguasai teknologi-teknologi tersebut supaya kita tahu perjalanan kita dalam pembangunan ekonomi adalah perjalanan yang betul dan baik. Kita tidak mahu kita membuat satu dasar dan tidak diterjemahkan dalam bentuk data dan statistik kemudian pada masa akan datang kita menghadapi masalah kita akan membuat lagi dasar.

Saya berpendapat bahawa kita mesti letak dalam bentuk data dan statistik sepertimana yang saya katakan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan akan memberi pengecualian cukai 10 tahun kepada IKS supaya menjadi world beater atau world class, tapi dari

segi statistiknya adakah IKS kita sudah sampai ke tahap yang akan menjadi world class yang perlukan suntikan ini sahaja supaya ia menjadi world class ataupun kita membuat dasar padahal IKS kita tidak mampu dan tidak berkeupayaan untuk menjadi world class.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh adalah mengenai dengan Singapura yang ada kaitan dengan perdagangan. Saya berpendapat bahawa kita tidak boleh bergantung kepada Singapura dari segi pengeksportan barangan kita, saya dapati lebih kurang 70 peratus daripada produk negara kita dieksport melalui Singapura. Saya melihat laporan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh salah satu dari agensinya dalam membuat unjuran pada tahun 2020, dalam mengkategorikan negara-negara maju dan negara-negara sedang membangun. Dari segi kategori negara maju dibahagikan kepada tiga kategori. Satu kategori negara maju kelas satu, ini termasuk seperti negara Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan sebagainya. Kategori kedua Singapura dan sebagainya. Kategori ketiga Malaysia.

Saya berpendapat bahawa dia tidak sepatutnya begitu, sepatutnya Malaysia pada kategori yang kedua dan Singapura pada kategori yang ketiga. Sepertimana yang dikatakan oleh sahabat kita Singapura kecil, dia tidak ada produk tetapi ia menjadi giant kerana dia menjadi pusat perdagangan dan kewangan antarabangsa, dia mempunyai sistem pengangkutan yang baik, efficiency yang tinggi. Tidakkah boleh kita membuat kajian sejauhmanakah jurang antara negara kita dengan Singapura dan kita perbaiki, jadikan Singapura sebagai benchmark dalam tempoh lima tahun akan datang kita akan membangunkan efficiency kita daripada semua sudut untuk pengeksportan barang-barang kita supaya dalam tahun 2000 kita dapat mengatasi Singapura. Kalau semua seratus peratus produk kita dieksport melalui pelabuhan kita, saya yakin kita akan dapat mengatasi Singapura. Apatah lagi sekarang dalam bidang multimedia dan informasi kita akan mengatasi Singapura.

Saya membaca banyak laporan daripada Singapura, mereka rasa takut dengan penglibatan kita dalam MSC. Dan yang terpenting sekali penglibatan kita dalam MSC ini akan dapat mengubah kalau sekarang Singapura menjadi 'procurement office' kepada semua negara,

pusat perdagangan dan kewangan dengan adanya MSC ini kita dapat mengambil alih kedudukan itu kerana kita boleh berhubung dengan dunia luar dengan begitu pantas dan cepat.

Jadi kesempatan-kesempatan ini mesti diambil, kementerian mesti mengkaji bagaimana kita harus menggunakan peluang-peluang ini meningkatkan efficiency kita supaya jangan pada tahun 2020 yang diramalkan oleh agensi Bangsa-Bangsa Bersatu kita duduk ke tahap yang ketiga. Kita tidak mahu duduk ke tahap ketiga kerana kita mempunyai potensi untuk duduk ditahap yang kedua.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang kajian antarabangsa, saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauhmanakah kajian-kajian ini dilakukan dengan cara yang efisien dan efektif kerana sepertimana yang saya nyatakan tadi struktur ekonomi dunia berubah begitu pantas. Kita ambil contoh negara Thai dan Burma sekarang sudah mengadakan satu perjanjian. Burma akan membangunkan pelabuhan di negaranya dan Thailand akan menghantar produk melalui pelabuhan di Burma, tidak lagi melalui negaranya sendiri, yang akan menjimatkan 10 hari perjalanan kapal.

Di samping itu, di bandar sempadan antara dua negara ini akan dibuat satu lebuh raya yang terus ke China untuk pengangkutan produk kedua negara tersebut terus ke negeri China. Dengan perubahan struktur begini sahaja, Thailand dan Burma akan mempunyai kedudukan yang lebih kukuh dari kita dari segi kedudukan yang lebih strategik untuk menghantar barangan ke Eropah serta untuk menghantar barangan ke negara China. Dan kemungkinan dengan adanya ini nanti kita akan ketinggalan.

Begitu juga kita lihat, dari segi perubahan-perubahan ekonomi dunia, melibatkan rantau dan sebagainya. Peranan WTO untuk membebaskan pasaran dunia (liberalization of world trade and services) apakah ini akan menguntungkan atau tidak kepada negara kita. Apakah persediaan-persediaan yang harus kita lakukan untuk ini? Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian sejauhmanakah kita mengambil tahu, mengambil berat tentang laporan-laporan antarabangsa yang kita buat sendiri. Kerana berapa kali bertanya kepada beberapa orang duta yang saya kenal

di negara luar tidak banyak kajian yang begitu substantif yang dilakukan untuk membantu negara kita.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bukan sahaja 'forward looking' tetapi kita bukan 'reactive' lagi, kita mesti 'anticipate' apa yang akan berlaku dan kita mengambil tindakan dari sekarang. Kita mesti proaktif, kita mengambil tindakan dari sekarang. Jikalau kita mengambil sikap reaktif, bila tiba masalah baru kita mengambil tindakan, masanya nanti akan menjadi begitu lewat. Jadi saya harap perkara-perkara yang saya bangkit

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar mahu bertanya kepada sahabat saya dari Tambun. Malam tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa satu perspektif baru di dalam bidang pembuatan atau manufacturing. Beliau mengatakan bahawa tidak banyak syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai keyakinan diri untuk memperkenalkan 'Malaysian made' atau 'Malaysian brand made' bermakna jenama-jenama Malaysia. Pada waktu yang sama sebilangan besar syarikat-syarikat kita adalah boleh dikategorikan dalam contract manufacturer iaitu ia membuat barang-barangan atas kontrak yang akan membawa franchise dan jenama lain khususnya dalam industri tekstil yang sebilangan besarnya berada di Johor iaitu di Batu Pahat dan juga mungkin sebahagian di Pulau Pinang.

Jadi adakah sahabat saya mahu bertanya kepada pihak Datuk Timbalan Menteri, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan menerusi pejabat-pejabat Matrade di seberang laut untuk membantu pengeluar-pengeluar syarikat ataupun syarikat-syarikat tempatan memperkenalkan jenama-jenama Malaysia. Oleh kerana kepakaran Malaysia dari segi pembuatan elektronik dan tekstil dan sebagainya memang terkenal di seluruh dunia. Banyak umpamanya pakaian-pakaian berjenama yang kita dapati di dalam supermarket ataupun gedung pakaian bertaraf tinggi di London atau New York ataupun DC Washington. Dia membawa banyaknya adalah berkait dengan syarikat-syarikat kontrak manufacturer di Malaysia. Jadi

apakah langkah-langkah yang hendak dilakukan oleh pihak negara terhadap teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malam tadi. Terima kasih.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya harap Timbalan Menteri akan memberi jawapan dan saya juga ingin menyentuh tentang perkara ini.

Saya lihat antara sebab kita tidak ada Malaysian brand, sebenarnya bila kita lihat pada sukses negara kita 'is a borrowed success', FDI yang menjalankan kegiatan manufacturing dan menjual ke negara luar. Kita hanya sebagai satu tempat yang didatangi oleh mereka kerana kemudahan-kemudahan yang kita lakukan dan kita gagal pula untuk memindahkan teknologi dan mengambil alih kuasa tersebut. Dengan sebab itu kita merasa inferior dan juga negara-negara maju ini mahu terus menguasai, mereka seumpama penjajah.

Dalam Persidangan IPU yang baru lalu, saya bercakap dengan seorang bangsa Turki yang berbangga kerana negara Turki mengeluarkan kereta Peugeot dan sebagainya. Saya kata sampai bila "you are going to be slaves to the developed nation?" Ini masalah kita. Negara besar mahu maju, dia tidak mengeluarkan produk, dia francais kepada kita dan dia mengambil margin. Mereka malas membuat kerja dan mereka tidak kompetitif lagi dan kita terus menjadi servant kepada mereka selagi kita mendapat keuntungan. Kita tidak mempunyai keazaman untuk keluar daripada 'cocoon' ini dan mengeluarkan produk kita sendiri.

Saya bersetuju dengan pandangan sahabat saya, kita mesti mencari satu cara kita sendiri, jangan kita lihat apa yang berlaku di negara lain, kita hendak lakukan. Macam sekarang kita tidak lagi melihat Jepun sebagai contoh, kerana Jepun sudah menjadi sebuah negara yang gagal. Korea juga tidak lagi menjadi contoh kerana perubahan struktur ekonominya sekarang membuatkan ia dalam keadaan yang dilema dan begitu juga dengan negara-negara lain. Jadi, ada kaitan dengan apa yang saya katakan tadi sejauh mana kita menyediakan kajian ke atas kedudukan antarabangsa dan sejauh mana kita serius memberi pandangan supaya kita

mempunyai strategi awal agar kita sentiasa di atas daripada segala masalah-masalah yang dihadapi oleh negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

5.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini, saya nampak ada beberapa langkah yang diambil seperti penggalakan rantaian industri dan sebagainya. Saya berharap selepas pindaan ini, kita dapat menggalakkan lebih rantaian yang lebih baik, lebih efektif memandangkan begitu perlunya kita memastikan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga rantaian di antara Syarikat Trans Nasional dengan syarikat-syarikat tempatan. Ini adalah satu perkara yang perlu dibuat untuk mewujudkan negara ini sebagai negara perindustrian yang maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan ini saya nampak ada program rantaian industri iaitu pindaan yang dibuat. Suatu program bersepadu dan yang diusahakan oleh sesuatu kementerian atau agensi kerajaan yang dalamnya suatu syarikat kecil atau syarikat sederhana yang menjadi pengilang dan pembekal dihubungkan kepada suatu syarikat yang lebih besar atau kepada suatu syarikat kecil atau syarikat sederhana yang lain melalui pengilangan dan pembekalan bahagian dan komponen, melalui teknologi atau penyelidikan dan kemajuannya.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini bukan tidak baik cuma di dalam pelaksanaan - itu masalah, sama ada projek payung ataupun projek seumpama itu yang lain kita mesti benar-benar memastikan:

Yang pertama, tidak ada wujudnya pilih kasih ataupun wujudnya nepotisme dan sebagainya. Kita mesti memastikan kalau IKS itu benar-benar layak atau benar-benar berkaliber, kita mesti berikan peluang di dalam projek payung dan sebagainya, sebab di dalam EON dan juga di PETRONAS ada bermulanya dengan projek-projek seumpama ini. Ini adalah satu langkah yang betul. Cuma di dalam proses pelaksanaan, saya ada dengar bahawa misalnya

di PETRONAS semasa kita adakan rantaian seumpama ini ada aduan-aduan atau rungutan-rungutan yang mengatakan bahawa pilih kasih dan sebagainya dan syarikat-syarikat IKS yang benar-benar berkaliber layak tidak diberikan peluang. Sebaliknya syarikat seperti PROTON, EON projek-projek seumpama ini dijalankan, kalau berbanding dengan aduan-aduan yang telah saya terima, mungkin PROTON lebih baik sedikit dari segi rantaianya.

Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa saya tekankan pihak kementerian supaya menentukan pelaksanaan projek-projek rantaian ini mesti dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti pelaburan tempatan dan pelaburan asing, saya nampak sektor perkilangan terus meningkat di dalam pertumbuhannya lebih 10%, kalau tahun lepas 13.2% dan tahun ini mungkin boleh mencapai tahap yang sama - mungkin ataupun lebih. Walau bagaimanapun, yang pentingnya kita berharap pelaburan tempatan boleh ditambahkan lagi.

Pada tahun lepas saya nampak ada tambahan di dalam KDNK untuk pelaburan tempatan. Kalau tidak silap saya hampir 33% pertambahan pertumbuhan di dalam 33.1% untuk pelaburan tempatan dan nampaknya kalau kita berusaha lagi pelaburan dari punca-punca tempatan akan meningkat kenaikannya.

Pada tahun 1995 saya nampak ada RM10.96 bilion, di antaranya pelaburan tempatan RM3.08 bilion dan RM7.9 bilion pelaburan asing. Pada tahun selepas itu nampaknya ada perubahan sedikit untuk pelaburan tempatan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pihak kementerian sudah menetapkan pelaburan pada tahap RM110 bilion dan di dalam jumlah yang besar ini satu sasaran, satu matlamat ialah 60% bagi pelaburan tempatan dan 40% bagi pelaburan asing.

Saya suka menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada matlamat ini akan tercapai pada 3 tahun lagi? Pada pendapat kementerian tahap pencapaian sekarang adakah secukup dengan matlamat yang telah ditetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan dua perkara di dalam jenis pengilangan, misalnya pada tahun 1995 atau 1996 kita nampak ada 278 projek - daripadanya ada terdapat 178 projek-projek kerjasama dengan Jepun, Singapura, Taiwan, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Britain dan Hong Kong. Ini hanya 7 buah negara sahaja yang kita berkongsi atau berkerjasama. Walaupun kita mesti menggalakkan negara-negara yang terus melabur di sini, tetapi saya berpendapat pihak kementerian mesti berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan. Kalau boleh kita dapatkan pelaburan yang negara-negara lain juga, jangan kita bergantung sangat kepada Jepun dan Singapura atau Amerika Syarikat sahaja dan mengabaikan pelaburan-pelaburan daripada negara-negara yang lain. Sungguhpun pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Madam Rapid Fire telah pergi ke banyak negara melawat ke China, ke Peru, ke Venezuela dan baru-baru ini ke Baharin, Saudi Arabia pula dan banyak negara yang dilawati.

Saya berharap pelaburan daripada negara-negara yang lain boleh dipertingkatkan, kerana kita tidak mahu bergantung sangat kepada beberapa negara sahaja. Selain daripada itu jenis pelaburan, yang pertamanya, elektronik - yang terbesar sekali yang saya nampak dan permohonannya itu kalau tahun lepas lebih 80 permohonan untuk electrical dan untuk kelengkapan pengangkutan serta produk-produk metal, plastik - itu sahaja nampaknya, hampir 300 projek tetapi kebanyakan bagi elektronik, electrical, furniture and fixture, kelengkapan pengangkutan (transport) dan produk-produk metal dan plastik sahaja. Tetapi apakah pelaburan-pelaburan lain misalnya floriculture, pelaburan untuk industri angkasa lepas, kita mestilah mengkaji sama ada kita mampu pada 10 tahun akan datang untuk menceburi dengan jayanya di dalam sektor angkasa lepas atau industri angkasa lepas. Kalau kita hendak menjadi satu negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020, kita mesti menceburi pelbagai bidang.

Saya menyeru bukan sahaja kita menumpu kepada bidang-bidang yang telah disebutkan tadi, tetapi kita mempelbagaikan lebih lagi dan saya nampak dalam pelan induk perindustrian yang kedua memang ada pelbagai industri disebutkan. Tetapi nampaknya peratusan tahap

pencapaian kalau berbanding dengan industri yang telah saya sebutkan itu sangat rendahlah tahap pencapaiannya. Di dalam masalah ini ada satu bidang yang saya sangat tertarik kepadanya ialah mengenai wafer. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat ini berapakah kilang wafer yang kita ada bagi kilang fabrikasi wafer? Kerana kos untuk membina satu kilang fabrikasi adalah sangat tinggi, kalau tidak silap saya lebih daripada US\$1.2 bilion, hampir RM3 bilion untuk satu kilang fabrikasi wafer yang sofistikated.

Kalau kita hendak keluarkan wafer ini untuk memberi sumbangan yang besar kepada negara, memang kita tunggu masa bukan sahaja kita memerlukan kos yang tinggi, bahkan kita kena tunggu dan kita mesti beli kelengkapan yang semuanya perlu diimport. Itulah masalah, kerana tukaran asing kita dan akaun semasa mengalami defisit. Salah satu puncanya ialah mengimport, membeli kelengkapan yang canggih ini daripada negara-negara asing. Itu salah satu faktor. Kita perlukan bukan sahaja kelengkapan yang canggih yang hendak diimport dan itu menyumbang kepada defisit akaun semasa, bahkan juga kita perlukan pakar-pakar asing, dan kos import bagi sesuatu mengikut statistik kementeriannya ialah bagi satu kilang sedemikian hampir lebih RM2.5 bilion ataupun US\$800 juta untuk kos import. Ini sangat tinggi.

Saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penerangan mengenai kos faedah bagi kilang sedemikian. Saya setuju memang kita hendak adakan Koridor Raya Multimedia, kita perlukan lebih banyak wafer, fabrikasi wafer yang diperlukan, kerana kita bukan sahaja hendak gunakan sendiri, bahkan juga hendak eksportkan kepada negara-negara lain, terutamanya Amerika Syarikat. Tetapi kita mesti memandang dengan jauh juga mengenai imbalan pembayaran, nilai tambah dan pekerjaan. Kerana kita tidak mempunyai pekerja-pekerja yang cukup, terutamanya pekerja-pekerja mahir. Daripada data pihak kementerian sendiri kalau mereka mengambil 1,000 dalam kilang fabrikasi, kira-kira 600 hingga 700 dianggarkan terdiri daripada kalangan juruteknik dan profesional tingkatan tinggi dengan asas kukuh dalam bidang kejuruteraan, kimia dan fizik.

Adakah kalau kita adakan satu kilang fabrikasi wafer ini daripada 1,000 pekerja ini, berapa peratus rakyat Malaysia? Kerana kita sangat kekurangan pekerja-pekerja mahir seumpama ini. Misalnya, di dalam Koridor Raya Multimedia sahaja kita memerlukan sekurang-kurangnya 20,000 pekerja mahir. Itu di MSC sahaja di dalam beberapa tahun ini. Kita tidak sempat mengeluarkan dengan begitu ramai pekerja-pekerja mahir. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang pertama, pekerja-pekerja mahir yang dilatih di luar negara setakat ini, bolehkah beri satu angka bilangan yang dilatih, yang dihantar ke luar negara untuk dilatih menjadi pekerja mahir dan juga yang dilatih di negara sendiri?

Tetapi bagi saya, untuk kilang seperti kilang-kilang fabrikasi wafer mungkin kita tidak mempunyai kepakaran untuk melatih pekerja-pekerja mahir seumpama ini dan juga profesional-profesional, pakar-pakar yang diperlukan. Baik pihak kementerian beri kami tahu bilangan yang dihantar, sudahkah dihantar ke luar negara dan bilangan yang dilatih di negara sendiri, dan apakah kekurangan sekarang untuk memenuhi keperluan?

Di dalam bidang ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak cabaran-cabaran di negara-negara lain, pengeluar-pengeluar, producer-producer di negara-negara lain saya ingat persaingan sudah meningkat. Juga mengenai non-tariff barriers and anti dumping initiative, adakah non-tariff barriers sudah menjadi lebih serius untuk daya saingan bagi industri negara ini? Kerana kita hendak terus menyaksikan pertumbuhan yang tinggi bagi bidang sektor pengilangan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat mana usaha-usaha untuk mengaitkan isu-isu sosial dengan perdagangan yang menjejaskan pelaburan ataupun pengeluaran sektor-sektor perkilangan di negara ini? Sebab salah satu isu yang hangat diperhebahkan di pihak industri negara-negara maju ialah isu-isu sosial yang sentiasa dikaitkan dengan pelaburan dan sebagainya. Adakah ini sudah menjejaskan pelaburan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kekurangan tenaga, satu sektor lagi ialah mengenai penyelidikan dan pembangunan (P&P). Walaupun ada peruntukan setiap tahun untuk P&P sudah meningkat setiap tahun kalau kita ikut Belanjawan. Dalam Belanjawan kita, setiap tahun

kita meningkatkan peratusan pelaburan untuk R&D. Setakat ini apakah tahap-tahap kejayaan untuk R&D ini di negara ini, kerana memang kita perlu. Kita wujudkan Taman Teknologi, kita wujudkan pelbagai pertubuhan untuk R&D, tetapi setakat mana kita dapat menjayakan R&D ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada masalah produktiviti di negara ini. Walaupun tahun lepas produktiviti adalah 5.7% berbanding dengan tahun 1995 - 6.6%. Ini bermakna produktiviti sudah turun sedikit. Mungkin tahun ini boleh turun lagi. Saya khuatir kalau kita tidak dapat mempertingkatkan produktiviti di negara ini, maka kita tidak akan capai pertumbuhan yang dianggarkan. Apakah sebabnya produktiviti ini turun di negara ini? Kalau kita meneliti kenyataan-kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga daripada kementerian sendiri, kita nampak sentiasa ditekannya ialah produktiviti. Tetapi nampaknya ada kurang sedikit. Sebab apa ada kurang? Adakah kerana kos guna tenaga sudah meningkat, tidak secocok dengan produktiviti? Kerana kita hendak tarikkan pelaburan daripada negara-negara luar dan juga daripada negara sendiri, kita mesti memastikan kos guna tenaga tidak meningkat dengan terlalu pesat berbanding dengan produktiviti. Adakah benar pada tahun 1995 kos untuk setiap pekerja ialah sudah meningkat kepada 5.22%, dalam sektor pengilangan kos sudah meningkat kepada 9.8%? Walhal produktiviti hanya 5.83%, ini tidak seimbang.

Untuk pertumbuhan yang diharapkan, kita tidak boleh menerima kos guna tenaga yang begitu tinggi berbanding dengan kos produktiviti. Mungkin badan produktiviti itu mesti dirombak supaya dapat mengawalseliakan produktiviti di negara ini dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada satu laporan mengenai pencapaian Malaysia di dalam penabungan yang ada disebutkan di dalam Belanjawan tahun lepas pada bulan Oktober mengatakan kadar penabungan sudah meningkat 38.8% KDNK. Ini memang baik, bukan tidak baik, memang baik. Walau bagaimanapun, kita hendak galakkan lebih pelaburan, dan pelaburan ini di dalam tiga tahun lagi kita hendak capai 60% daripada punca tempatan. Kalau hendak capai 60% kita mesti menambahkan penabungan lagi. Saving must increase. Kalau tidak ada

penabungan yang tinggi, macam mana kita dapat wang di negara ini sendiri. Adakah pihak kementerian menganggarkan bahawa penabungan ini akan meningkat lagi setiap tahun. Mungkin kita boleh mencapai kepada 45%. Adakah kemungkinan kita capai 45%? Kalau ini boleh, kita mesti menambahkan peluang untuk pelaburan tempatan meningkat kepada 60% berbanding dengan sekarang. Sekarang hampir 40% sahaja pelaburan tempatan tetapi itu masih rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang kekurangan koordinasi di antara Kementerian Kewangan dengan MITI. Memang kekurangan koordinasi sebab mesti 'visi-visi' dan di dalam usaha ini apakah pihak kementerian ataupun koordinasi dengan Kementerian Kewangan, mereka mesti membuat dasar yang tepat untuk orang-orang tempatan melaburkan di dalam unit amanah, bank-bank, insurans dan takaful. Kita mesti menggalakkan mereka melabur di dalam institusi ini dan inilah salah satu cara untuk menarik lebih pelaburan daripada punca tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai status Malaysia sebagai negara yang digemari oleh pihak pelabur-pelabur asing, kalau mengikut satu laporan daripada Bankers Journal Malaysia, walaupun daripada 15 ekonomi termasuk Malaysia, Singapura, New Zealand, Australia, Thailand, Korea Selatan, Indonesia, Vietnam dan China, dari satu negara yang mempunyai risiko yang rendah dan juga perolehan dan returns, pulangan yang tinggi, tetapi Malaysia bukan yang paling tinggi statusnya, cuma sederhana sahaja. Walaupun kenyataan Yang Berhormat Menterinya, 'Menteri Madam Rapid Fire' ini, dia yang 'fire rapid', dia kata, yang terbaiklah, yang sangat terbaik sekali. Tetapi, menurut Bankers Journal Malaysia bukan terbaik, sederhana sahaja, moderate sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong tarik baliklah. Menteri ada nama!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa masalahnya Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia kena tarik baliklah, menteri dia ada nama!
Nanti saya panggil Yang Berhormat 'kulit' macam mana?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak minta penjelasankah ataupun bangun atas Peraturan Mesyuarat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta hendak ajar dia sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hendak ajar dia sedikit!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat cuma boleh soal sahaja.

[Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Soal! Ini saya beri pandangan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya memanggil seseorang dengan nama gelaran itu tidak manis dan tidak tertib? Jadi, Ahli Yang Berhormat sebagai seorang yang boleh dikatakan bijak dan hari ini nampaknya tidak bijaklah. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya dan kalau Yang Berhormat bersetuju, sila tarik baliklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini penjelasan tentang penggalakan pelabur, jadi, dia panggil menteri macam itu tidak hormatlah, ini tidak manislah. Saya minta Ahli Yang Berhormat beri penjelasan bersetuju atau tidak dengan saya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli Yang Berhormat dari Yan ini, dia hendak apa? Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Yan ini hendak apa? Kita hendak bincangkan mengenai pulangan untuk pelaburan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingat Yang Berhormat berhenti bercakap, panjang sangat dah! Orang lain hendak bercakap pula ini. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, patutlah di Yan itu dia hendak adakan satu projek raksaksa pada masa yang dahulu tetapi tak jadi. Tidak ada pelaburan di Yan, itu masalah, saya tahu!

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Suara dalang itu tak payahlah layan sangat!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya! Yan itu sangat menarik kepadanya, dan dia pun hendak menarik perhatian Yan. Kita pun tahu, tetapi saya menyerulah supaya kita pun beri peluang sedikit melaburkan di Yan juga supaya Yan pun boleh maju juga kerana sekarang ketinggalan sangat jauh sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tahap pencapaian Malaysia di dalam status untuk menarik pelabur daripada 15 ekonomi yang telah saya sebutkan tadi, bukan yang tertinggi terletaknya negara kita ini, tambahan lagi Tuan Yang di-Pertua, daripada segi laporan daripada jurnal ini ialah Vietnam, saya pun tak tahulah sebab apa mereka kata di Vietnam itu, risikonya sangat rendah, lebih baik daripada Malaysia, mungkinkah, saya pun tak tahu. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab sama ada Vietnam risikonya lebih rendah daripada Malaysia.

Walau bagaimanapun, ini menunjukkan bukan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, kita bukan yang terbaiklah, sederhana sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri dapat bersama-sama kita meneliti masalah ini supaya kita tahu setakat mana kita dapat menarik pelaburan tempatan dan juga pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang membangun memerlukan pelaburan setiap tahun untuk infrastruktur lebih US\$200 bilion ataupun hampir RM600 bilion daripada pelaburan untuk infrastruktur, sebab biasanya kita baca kenyataan dari kementerian mengenai pelaburan daripada elektronik, elektrik dan sebagainya dan apakah pelaburan untuk infrastruktur, sebab di

dalam 15 ekonomi ini, 75% daripada pelaburan hampir RM600 bilion ialah di 15 ekonomi ini dan daripadanya kalau kita kira Malaysia setakat mana pelaburan untuk infrastruktur kita dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Ini memang penting kerana kita hendak maju, infrastruktur kita hendaklah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tadi kita katakan pulangan yang tahapnya bukan yang terbaik di negara ini kalau berbanding dengan 15 ekonomi yang saya sebutkan tadi dan mengenai daya saing dan juga semangat dayatahan. Di sini kita mesti melihat mengenai kos guna tenaga yang meningkat, produktiviti yang tak sampai 6% dan kos guna tenaga kadangkala sampai 8% atau 9% meningkat dan ini memang menjejaskan daya saing ataupun semangat dayatahan juga. Apakah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan daya saing dan semangat dayatahan ini yang boleh meningkat lagi.

Kerana daya saing dan juga semangat dayatahan ialah dwi matlamat yang ditetapkan di dalam pelan induk perindustrian kedua. Memang kita akui matlamat yang ditetapkan untuknya dan kalau kos guna tenaga terus meningkat dan pertumbuhan produktiviti tidak begitu pesat, ini memang menjejaskan dwi matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian ini, saya nampak memperbaiki asas ekonomi. Walaupun kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain asas ekonomi itu boleh dianggap baik juga, tetapi matlamat yang ditujukan masih belum sampai bagi peningkatan pertumbuhan dalam sektor perkilangan.

Dan selain daripada sumber manusia yang telah saya sebutkan tadi dan juga dari segi kualiti dan kuantiti, pembangunan keupayaan bidang penyelidikan dan pembangunan yang telah saya sebutkan dan penyediaan prasarana moden serta perkhidmatan sokongan perniagaan yang efisien. Dan apakah setakat ini pihak kementerian dapat mengkaji dan juga menggubalkan satu dasar untuk asas ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dan juga selain daripada meningkatkan rangkaian yang telah saya bincang tadi, di dalam dan di antara subsektor perindustrian, apakah usaha untuk mempercepat,

memperdalam dan mempelbagaikan sektor perkilangan, ini satu masalah yang perlu ditangani dan saya pun telah menyebutkan tadi mengenai flori culture, mengenai sektor industri angkasa lepas, mungkin sektor ternakan juga dan sebagainya.

Cuma saya ingin menekankan di sini walaupun kita menggalakkan industri bukan sahaja industri yang utama di negara ini termasuk elektronik bahkan juga kita hendak menyaksikan industri ternakan, flori culture dan sebagainya yang dapat dimajukan lagi, kita mesti menekankan sambil mengharapkan negara perindustrian ini dapat dipelbagaikan dengan berjaya, kita mesti memelihara alam sekitar.

Saya berpendapat yang pentingnya kita galakkan pelaburan yang memelihara alam sekitar sahaja, ini yang perlu, kita mesti menyeimbangkan kehendak untuk industri dan juga kehendak untuk memelihara alam sekitar. Kerana kalau dalam bidang ternakan, kita boleh nampak, bidang makanan, bidang ternakan, pencemaran udara, pencemaran air dan sebagainya boleh berlaku dan kalau daripada awal lagi kita dapat mengawalinya dengan lebih baik, industri yang tidak mempunyai peratus alam sekitar yang baik, jangan kita benarkan. Mungkin daripada hampir 280 projek yang diuruskan oleh MIDA itu, sebahagiannya adalah tidak baik dari segi alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mempercepatkan pembangunan dan keupayaan teknologi tempatan serta pemasaran dan pengedaran antarabangsa? Ini perlu kita tekankan, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tak mahulah bergantung semata-mata kepada pelaburan langsung asing sahaja berbanding dengan pelaburan domestik, sebab saya tadi ada sebutkan kita mahu matlamatnya untuk mencapai satu tahap 60% pelaburan domestik, kalau hendak mencapai 60% pelaburan domestik, kita mesti mempunyai keupayaan teknologi tempatan.

Dan tadi saya menyebutkan satu rantaian projek payung dan sebagainya, memang satu usaha yang baik untuk mencapai satu tahap keupayaan teknologi tempatan yang lebih tinggi tetapi daripada segi pemasaran dan pengedaran antarabangsa, pihak kementerian memang ada usaha untuk ekspo dan untuk membeli tapak-tapak di luar negara bagi pemasaran dan pengedaran antarabangsa. Apakah tahap pencapaian untuk pemasaran dan pengedaran antarabangsa ini.

Dan dari segi orientasi global, orientasi daripada aktiviti bertujuan untuk eksport semata-mata kepada kegiatan yang berasaskan orientasi global, apakah persiapan pihak kementerian kerana sektor perkilangan mesti menumpukan kepada pasaran global yang sentiasa berubah dan kalau kita hendak mempunyai pengilang-pengilang bertaraf antarabangsa berskala besar, maka industri-industri ini mesti menumpukan kepada orientasi berasaskan kepada orientasi global.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, mengenai pengeluaran-pengeluaran kereta di Malaysia sama ada Proton ataupun Proton, Proton Wira dan sebagainya. Saya nampak walaupun diheboh-hebohkan di dalam akhbar dan media cetak, media elektronik, radio, televisyen tempatan bahawa kita sudah ada jual kereta kita kepada Indonesia, Papua New Guinea, United Kingdom dan sebagainya. Itu baik! Kita mesti tambahkan jualan kita. Tetapi, pasaran yang paling besar di dunia, pasaran utama Amerika Syarikat, saya tidak tahulah sama ada kita boleh cuba menembusi pasaran itu, itu satu cara yang baik sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita keluarkan kereta sendiri, kita hanya ada mempunyai 20 juta orang. Dasar kerajaan nampaknya galakkan setiap rakyat Malaysia membeli kereta kita - membeli kereta sendiri. Dan akibatnya di Wilayah Persekutuan sahaja tiap-tiap tahun pertambahan bilangan kenderaan hampir 200,000 buah kereta. Hanya di dalam Wilayah Persekutuan sahaja dan kesesakan lalu-lintas tidak boleh diselesaikan sehingga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengarah jangan buat tapak-tapak letak kereta lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa rang undang-undang ini tidak bersabit dengan Kementerian Pengangkutan? Ini penggalakan pelaburan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Hei, Tuan Yang di-Pertua salah anggap. *[Ketawa]* Ini sangat berkaitan bahkan juga kita ada sektor pengangkutan yang diutamakan. Sektor pengangkutan yang diutamakan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* Ya, ya, automotive industry di dalam pelan induk perindustrian, ia ada satu sektor pengangkutan dengan objektif atau matlamat yang sangat tinggi kerana kalau kita mempertimbangkan dengan masak-masak, kita nampak Kementerian Pengangkutan mesti diletakkan di nombor tiga atau empat

keutamaannya di dalam negara ini kerana kita hendak maju kepada satu negara perindustrian yang maju....

Seorang Ahli: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana merapu pula? Ini satu..... Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu suara entah dari mana pun tidak tahu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita bincang dengan serius. Kita hendak capai satu tahap perindustrian yang tinggi dan salah satu sektor yang terpenting ialah sektor pengangkutan. Ha, kita mesti meningkatkan kepentingan sektor pengangkutan. Itu memang, memang....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia syok sendiri, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Sudah pukul 6.30 ptang, Tuan Yang di-Pertua. Dia merapu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat yang ke berapa, Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya? Saya pun 'tak dan' cari, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Cermin mata tertinggal, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini bukan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti - 36.2 *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa dia?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya lupa cermin mata, Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak. *[Ketawa]* Buang masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaburan kita hendak galakkan pelaburan di dalam sektor perindustrian juga kerana salah satu dasar kita ialah meningkatkan keupayaan untuk mempelbagaikan industri dan salah satu industrinya ialah pengangkutan dan automatif industri itu kita mula hendak mengadakan tapak di dalam dunia tetapi setakat beberapa buah kereta di United Kingdom kita mesti tambahkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, setiap rang undang-undang itu tetap ada perangkumannya yang spesifik. Kalau cara Yang Berhormat hubungkan automatif dan sebagainya dengan rang undang-undang ini, saya rasa tidak ada kesudahannya, Yang Berhormat. Tiada had batasnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini orientasi global, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Orientasi global mesti macam itu. Yang kita hendak satu industri, contoh saya beri industri automatif, contoh sahaja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak apa lagi Padang Terap? Kita hendak orientasi global bukan orientasi Padang Terap sahaja, itu sangat sempit *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak tolong dia, dia sesat jalan tadi, saya hendak bawa balik. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jadi, hendak bawa dia balik?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak bawa balik dia on course. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dia. Dia kata tadi orientasi global dan dia suruh membesarkan

industri di negara ini tetapi di dalam nada yang sama dia kompelin kata kereta terlalu banyak di Kuala Lumpur. Jadi, yang mana satu? Yang Berhormat suruh mengeluarkan lebih banyak kereta tetapi Yang Berhormat kompelin kereta terlalu banyak, jadi saya hendak bawa balik! Itu.....[Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Mr. Bean Cina punya. [Ketawa]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu [Ketawa] memanglah hujah tetapi meleret sampai orientasi global buat apa? Saya mengikut hujah Yang Berhormat dengan teliti. Yang Berhormat sudah tersesat jalan, bawa balik kepada 200,000 tadi, merepek. Jangan merepek ke lain-lain tempat.

Seorang Ahli: Jangan merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan merepek atau merapu. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, maksud saya macam ini, kita hendak mengorientasikan kepada global. Jadi, jangan kita galakkan orang kita sendiri beli kereta dengan banyak sehingga pihak Yang Berhormat Menteri pun mengatakan tidak boleh binakan padang letak kereta lagi di dalam Wilayah Persekutuan. Ini menunjukkan kesesakan itu sangat serius. Walaupun cadangan Yang Berhormat Menteri, saya percaya tidak akan berjaya. Macam mana kita boleh kurangkan? Kalau kita kurangkan orang-orang Malaysia beli kereta, mungkin! Kita eksport kereta itu, kita eksport lebih banyak lagi, kita eksport ke Amerika Syarikat. Dan saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu dasar supaya kita dapat eksport Proton ke Amerika Syarikat. Itu sahaja orientasi global. [Ketawa]

Seorang Ahli: Macam mana?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana, kita mesti ada mukaddimah dahulu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, takkan selepas satu jam Yang Berhormat berucap masih mukaddimah lagi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada di sini.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, point of order.

Dr. Tan Seng Giaw:Kita mesti beritahu, dia baru sahaja masuk. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, nanti.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya sudah buka cermin mata, saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ya, sebutkan yang ke berapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(1), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, dia kata di sini “seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan.” Ini menggalak pelaburan, jadi Yang Berhormat merayau rata, ini cerita Mr. Bean ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat. Saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, buat, buat, Tuan Yang di-Pertua. Ikut ini - 36(1) *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong, saya sudah beri nasihat walaupun masa itu belum ada lagi Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan, Yang Berhormat eloklah balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti tajuk orientasi global. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya terangkan di sini, di dalam pelaburan industri automatif, misalnya Proton, itu pelaburan tempatan dan pelaburan luar negara. Pelaburan tempatan, kalau kita hendak ada pelaburan tempatan yang berjaya kita mesti boleh jualkan kereta kita kepada Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran terbesar di dunia, Amerika Syarikat, Eropah Barat dan sebagainya. Itu pasaran tradisional yang paling besar, itu caranya kita hendak galakkan, kita hendak jayakan industri automatif di negara ini dan kalau hendak jayakan, kita mesti ada keupayaan, mesti ada orientasi global, bukan setakat kepada Papua New Guinea sahaja, itu tidak global sangat, dekat sangat!

Dan janganlah Yang Berhormat dari Yan sebutkan 36(1) lagi kalau tidak begitu mengerti kepada perkara orientasi global dan skala besar. Kita tidak boleh pandang kepada Thailand dan Yan sahaja. *[Ketawa]* Mesti pandang jauh kepada pasaran yang besar.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat jangan perkecil-kecilkan Yan, Tuan Yang di-Pertua. Yan ini adalah gunung yang ketiga tertinggi di Malaysia, mempunyai pulau dan keadaan alam sekitar macam Switzerland adakah Yang Berhormat tahu? *[Ketawa]* Yang Berhormat baca surat khabar kelmarin development di Yan akan jadi satu tempat yang paling indah di Malaysia, tidak seperti Kepong - terkepung dan tersisih dan dengan pelbagai penyakit kulit.....*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau pulau atau gunung itu indah, saya tahu, tetapi kereta automatif Proton tidak boleh jalan di situ. *[Ketawa]* Padahal eksport kepada Yan

macam mana? Berapa orang boleh beli, itu masalah kita. Jangan kita tumpukan kepada Yan untuk orientasi global.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah kita - saya ulanglah - kita mesti ada satu dasar.....

Seorang Ahli: Tolonglah, tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun saya tidak menghadkan masa untuk Yang Berhormat berucap tetapi oleh sebab Yang Berhormat sudah ambil masa sekian lama, maka eloklah Yang Berhormat cuba gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak gulunglah sekarang? *[Ketawa]* Oh ya, saya akan gulunglah sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan mengenai begitu pentingnya kita meneruskan dan mempertingkatkan daya saing dan semangat daya tahan. Dan juga saya ada sebutkan mengenai rantaian perindustrian terutamanya perindustrian huluan dan hiliran untuk menjadikan IKS kita lebih daya saing dan lebih bersemangat daya tahan dan dengan projek-projek termasuk projek payung, saya ada sebutkan bahawa jangan kita mewujudkan kelemahan-kelemahan seperti pilih kasih, nepotisme dan sebagainya. Kalau kita hendak ada projek-projek rantaian ini kita mesti adil, dipilih yang patut, pilih yang layak, itu sahaja seruan saya supaya kita dapat bersama-sama menjayakan IKS kita di dalam industri ini kerana pada masa hadapan bukan sahaja industri skala besar bahkan juga industri IKS. IKS memang boleh dianggap sebagai salah sektor yang terpenting untuk menjadikan satu negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020. Dan juga saya ada sebutkan mengenai guna tenaga, latihan untuk pekerja-pekerja mahir sama ada di dalam negara ini dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada sebutkan keperluan negara kita untuk mempelbagaikan industri, bukan setakat yang telah saya sebutkan tadi, iaitu electronic, electrical, alat-alat kelengkapan pengangkutan dan produk-produk plastik sahaja, itu tidak cukup.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw:kita mesti mempelbagaikan industri kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hari sudah suntuk, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa masa untuk Yang Berhormat berucap itu sudah cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup dah ya. Sekian, terima kasihlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.